


Panasonic



Kumpulan Panasonic
Kod Etika & Kepatuhan



KANDUNGAN

Tentang Kod Etika & Kepatuhan
Kumpulan Panasonic 3

Bab 1. Tanggungjawab Kita 6

Bab 2. Tempat Kerja Kita 10

Bab 3. Aset dan Maklumat
Syarikat Kita 13

Bab 4. Hubungan Perniagaan Kita 18

Bab 5. Tanggungjawab Sosial Kita 25

1. Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic dan Falsafah
Perniagaan Asas kita 4
2. Penggubalan dan skop Kod ini 5
3. Pelanggaran Kod ini 5



1. Tanggungjawab semua orang 7
2. Tanggungjawab tambahan Pemimpin 8
3. Membuat keputusan beretika 9

1. Menghormati satu sama lain 11
2. Melindungi kesihatan dan keselamatan 12

1. Bertindak demi kepentingan syarikat kita 14
2. Berkomunikasi secara luaran 15
3. Melindungi dan menggunakan aset syarikat kita 16
4. Menyimpan dan mendedahkan maklumat syarikat 17

1. Perlindungan daripada rasuah 19
2. Memenuhi komitmen kita dan memastikan keselamatan dan
kualiti produk dan perkhidmatan kita 20
3. Membentuk rantaian bekalan yang adil dan telus 21
4. Berinteraksi dengan badan kerajaan 22
5. Membina perniagaan kita berdasarkan amanah dan persaingan yang adil 23
6. Berdagang secara global 24

1. Menghormati hak asasi manusia 26
2. Melindungi alam sekeliling kita 27
3. Menghormati privasi individu 28
4. Mencegah perdagangan orang dalam 29



Tentang Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic



Tentang Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic



Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic dan Falsafah Perniagaan Asas kita

Panasonic menjalankan perniagaan berdasarkan falsafah pengurusan yang diwujudkan oleh pengasas kita, Konosuke Matsushita. Semua ahli Panasonic patut mengamalkan Objektif Pengurusan Asas, Rukun Syarikat dan Tujuh Prinsip yang membentuk asas falsafah pengurusan kita. Kita komited untuk berpegang teguh pada prinsip ini dan kita berkongsi prinsip ini dengan pelanggan, pembekal, rakan perniagaan dan pemegang saham kita serta pihak berkepentingan lain. Pada 1 Oktober 2021, memandangkan peralihan kita kepada sistem syarikat pengendalian yang baharu dengan matlamat untuk melaksanakan pengurusan bertanggungjawab autonomi, kita telah mengemaskinikan Falsafah Perniagaan Asas kita secara signifikan, dengan mengambil kira perubahan dalam keadaan sosial dan persekitaran perniagaan. Falsafah Perniagaan Asas ini merupakan asas bagi amalan kita untuk "menumpukan diri kita kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat dan kesejahteraan orang ramai melalui aktiviti perniagaan kita, dan dengan itu meningkatkan kualiti hidup di seluruh dunia", seperti yang dinyatakan dalam Objektif Pengurusan Asas.

Setiap seorang daripada kita di Panasonic mesti memaksimumkan dan menunjukkan kebolehan dan kemahiran kita, mengenal pasti dengan jelas hasil akhir ideal kita, berkongsi pendapat yang patut dikongsi, membuat keputusan berkualiti tinggi dengan cepat melalui persepaduan pendapat yang berbeza daripada pelbagai pekerja, dan membuat penambahbaikan tanpa mengenal penat lelah. Dengan berbuat demikian, kita bermatlamat untuk menjadi syarikat yang tiada tandingannya dalam membuat sumbangan kepada pelanggan kita dan masyarakat. Kita mesti sentiasa melihat situasi semasa secara terus terang, dan jika ia bercanggah dengan hala tuju masyarakat, atau jika terdapat cara yang lebih baik, kita tidak akan teragak-agak untuk memilih hala tuju yang baharu dan lebih baik dengan segera. Kita mesti mengamalkan nilai dan prinsip asas ini setiap hari.


Falsafah Perniagaan Asas kita menerangkan amalan keadilan sosial, yang amat penting bagi peranan kita sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, dan mewujudkan asas untuk kepatuhan korporat beretika. Sebagai "entiti awam masyarakat", kita menjalankan perniagaan kita dengan menggunakan sumber pengurusan yang diamanahkan oleh masyarakat, oleh itu kita mesti menggunakan sumber ini dengan betul demi manfaat masyarakat, dan memenuhi tanggungjawab kita terhadap pihak-pihak yang berkaitan. Di samping tidak melanggar undang-undang dan peraturan, kita mesti sentiasa mempertimbangkan apa yang sesuai untuk masyarakat, dan bertingkah laku dengan integriti serta bersikap adil. Untuk berbuat demikian, kita mesti memperoleh kebijaksanaan yang terbukti dan mengamalkannya. Pelaksanaan keadilan sosial secara berterusan akan menyumbang kepada pembangunan sebenar masyarakat, industri dan rakan perniagaan kita.

Di samping menggariskan komitmen kita terhadap masyarakat, Falsafah Perniagaan Asas kita juga memberikan panduan yang penting kepada kita mengenai bagaimana untuk mengurus hubungan kita dengan pihak berkepentingan bagi pihak Panasonic secara beretika dan patuh, termasuk menghormati kewujudan bersama dan kemakmuran bersama pihak berkepentingan, menghormati kepelbagaiannya, sumbangan kepada keharmonian dengan alam sekeliling di dunia dan tanggungjawab sosial korporat.

Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic ini ("Kod" ini) menyatakan "Komitmen kita" (komitmen yang mesti dipenuhi oleh setiap syarikat Kumpulan Panasonic) dan "Komitmen saya" (komitmen yang mesti dipenuhi oleh setiap ahli Panasonic). Bersama-sama, kita komited untuk menjalankan aktiviti perniagaan dengan standard etika dan kepatuhan yang paling tinggi, merangkumi Falsafah Perniagaan Asas kita.

Falsafah Perniagaan Asas Kumpulan Panasonic

1. Misi Perusahaan
2. Misi Kumpulan Panasonic, dan Apa Kita Mesti Lakukan Sekarang
3. Objektif Pengurusan Asas
4. Rukun Syarikat dan Tujuh Prinsip
5. Falsafah Perniagaan Asas Kumpulan Panasonic
6. Mengamalkan Falsafah Perniagaan Asas
7. Pelanggan Diutamakan
8. Pengurusan Bertanggungjawab Autonomi
9. Pengurusan Serta Sama melalui Kebijaksanaan Kolektif
10. Membangunkan Manusia dan Memanfaatkan Potensi Mereka



Tentang Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic



Penggubalan dan skop Kod ini

• Tertakluk pada perenggan (1) dan (2) di bawah, Kod ini hendaklah ditetapkan dan disemak oleh Lembaga Pengarah Panasonic Holdings Corporation, dan dimaklumkan kepada setiap syarikat dalam Kumpulan Panasonic. Kod ini hendaklah mula berkuat kuasa di setiap syarikat Kumpulan Panasonic dengan segera selepas ketetapan oleh Lembaga Pengarah syarikat yang berkaitan atau oleh mana-mana prosedur korporat sah yang lain.

(1) CEO Kumpulan atau Penasihat Undang-undang Kumpulan Panasonic Holdings Corporation boleh membuat perubahan atau pengemaskinian, yang tidak mengubah "Komitmen kita" dan "Komitmen saya" dalam hal-hal penting (termasuk perubahan atau pengemaskinian pada bahagian Sumber, gambar foto dan reka bentuk dalam setiap Bab dan perubahan stilistik atau kosmetik lain) tanpa keperluan untuk kelulusan selanjutnya oleh Panasonic Holdings Corporation atau mana-mana syarikat Kumpulan Panasonic lain.

(2) Mana-mana syarikat Kumpulan Panasonic boleh, dengan kelulusan terdahulu Panasonic Holdings Corporation, menambah kandungan Kod ini dengan kehendak tambahan, khususnya untuk menyelaraskannya dengan undang-undang, peraturan dan kebiasaan di negara dan wilayahnya serta struktur perniagaannya.

- Bagi tujuan Kod ini:

"**Syarikat Kumpulan Panasonic**" bermaksud mana-mana satu daripada Panasonic Holdings Corporation, subsidiarinya (seperti yang ditakrifkan dalam Artikel 2, Item 3 Akta Syarikat negara Jepun) dan mana-mana subsidiari yang disatukan di bawah IFRS, bersama-sama, "**Panasonic**" atau "**Kumpulan Panasonic**".

"**Ahli Panasonic**" bermaksud (1) semua pekerja biasa dan berkontrak yang mempunyai hubungan pekerjaan dengan mana-mana syarikat Kumpulan Panasonic; (2) semua kakitangan sementara dan pekerja dipinjamkan yang bekerja di bawah kawalan dan penyeliaan mana-mana syarikat Kumpulan Panasonic; dan (3) semua pengarah lembaga, pegawai eksekutif, kaunselor eksekutif, fellow, juruaudit korporat, lembaga penyeliaan dan penasihat korporat atau orang setara yang dilantik oleh mana-mana syarikat Kumpulan Panasonic.

• Kod ini terpakai untuk semua syarikat Kumpulan Panasonic yang telah menerima pakai kod ini secara sah, untuk semua ahli Panasonic masing-masing dan, dalam hal keadaan tertentu (contohnya di bawah terma-terma kontrak komersial Panasonic atau sebagai prasyarat bagi menjalankan perniagaan dengan syarikat Kumpulan Panasonic), dan hanya berkenaan dengan seksyen berkaitan tertentu dalam Kod ini, untuk rakan perniagaan syarikat Kumpulan Panasonic, termasuk pembekal dan pengantara pemasaran ("go-to-market").

Pelanggaran Kod ini

- Mana-mana ahli Panasonic yang melanggar Kod ini boleh dikenakan tindakan tatatertib, sehingga dan termasuk penamatian pekerjaan, mengikut peraturan dalaman, peraturan pekerjaan, kontrak individu dan undang-undang dan peraturan tempatan yang terpakai.
- Dalam situasi tertentu, pelanggaran Kod ini mungkin juga merupakan pelanggaran undang-undang dan peraturan antarabangsa atau tempatan yang terpakai, yang membawa penalti jenayah dan hukuman pentadbiran terhadap mana-mana individu yang terlibat serta syarikat, termasuk denda, hukuman penjara dan langkah-langkah lain.
- Pelanggaran Kod ini juga mungkin mengakibatkan kerugian ekonomi, kehilangan kepercayaan dan kerosakan nama baik syarikat kita.



Setiap seorang daripada kita memahami bahawa adalah tanggungjawab kita sendiri untuk menjalankan aktiviti perniagaan kita secara beretika dan dengan mematuhi undang-undang.



Bab 1.

Tanggungjawab Kita



1. Tanggungjawab semua orang

Kod ini terpakai untuk semua ahli Panasonic di seluruh dunia. Kita semua menerima tanggungjawab berikut:

- Saya memahami bahawa tingkah laku diri saya sendiri boleh mencerminkan nama baik Panasonic berkenaan keadilan dan kejujuran, imej jenama kita dan peranan syarikat kita dalam masyarakat.
- Saya bertindak sejajar dengan Falsafah Perniagaan Asas kita dan Kod ini pada setiap masa.
- Saya telah membaca dan memahami Kod ini dan saya tahu tentang undang-undang, peraturan, dasar syarikat, peraturan dan proses dalaman yang telah dimaklumkan kepada saya sebagai sesuatu yang terpakai untuk kerja harian saya. Jika terdapat apa-apa juga yang saya tidak fahami sepenuhnya, saya akan bertanya soalan sehingga ia jelas bagi saya.
- Saya selesai menjalani latihan kepatuhan dengan segera apabila ia ditugaskan kepada saya.
- Saya tahu dan sedar akan apa yang sedang berlaku di tempat kerja saya. Saya bersuara jika saya melihat atau mendengar tentang apa-apa aktiviti atau tanda yang menimbulkan kesangsian bahawa kepatuhan atau etika sedang dijejaskan, tanpa menghiraukan justifikasi atau hal keadaan. (Lihat juga [Melaporkan atau membangkitkan keimbangan](#))
- Saya tidak akan sekali-kali membala dengan mengambil sebarang tindakan yang merugikan atau mendiskriminasikan sesiapa pun yang saya percaya telah membangkitkan keimbangan kepatuhan atau etika. Tindakan balas dengan sendirinya merupakan pelanggaran Kod ini, dan jika saya mengalami tindakan balas atau melihat tindakan balas terhadap mana-mana orang lain, saya akan membangkitkan keimbangan. (Lihat juga [Tiada tindakan balas](#))
- Jika, meskipun usaha terbaik kita, terdapat pelanggaran kepatuhan atau etika yang disyaki, saya akan bekerjasama sepenuhnya dan secara jujur dengan apa-apa siasatan.



Bab 1.**Tanggungjawab
Kita****2. Tanggungjawab tambahan Pemimpin**

Semua pemimpin dan sesiapa pun dengan peranan memimpin pasukan di Panasonic memikul tanggungjawab tambahan terhadap Panasonic dan terhadap ahli pasukan mereka:

- Saya menetapkan matlamat untuk pasukan saya berdasarkan Falsafah Perniagaan Asas kita dan Kod ini, dan memimpin pasukan saya untuk menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan kesejahteraan orang ramai, sementara memastikan keadilan dan kejujuran dalam semua aspek aktiviti perniagaan kita.
- Saya bertindak sebagai suri teladan untuk tingkah laku beretika dan kepatuhan, dan saya menunjukkan pematuhan Kod ini dalam tindakan saya, kata-kata saya dan keputusan perniagaan yang saya ambil.
- Saya sering berkomunikasi dengan pasukan saya, dalam bahasa yang boleh difahami dengan mudah, tentang kepentingan kepatuhan, etika dan Kod ini.
- Saya mewujudkan budaya yang dengannya pasukan saya memahami bahawa kepatuhan dan etika adalah lebih penting daripada segala-galanya. Saya tidak bertoleransi terhadap prestasi perniagaan atau kepuasan pelanggan yang dicapai melalui pelanggaran Kod ini, dasar syarikat atau undang-undang atau peraturan yang terpakai.
- Saya mendapatkan secara proaktif pengetahuan terkini mengenai perkembangan kepatuhan dan standard etika yang berkaitan dengan bidang tanggungjawab saya, dan berusaha mendapatkan kebijaksanaan kolektif mengenai hal-hal ini. Saya berkongsi pengetahuan saya dengan pasukan saya.
- Saya memastikan bahawa pasukan saya mempunyai akses kepada latihan kepatuhan yang tetap, dan masa untuk menyelesaikan tugas pembelajaran apabila perlu diselesaikan.
- Saya sering mempertimbangkan sama ada proses dan prosedur kepatuhan sedia ada, dan ahli Panasonic dan sumber yang saya tugaskan, adalah cukup untuk menguruskan risiko kepatuhan dan etika yang memberikan kesan terhadap bidang tanggungjawab saya, termasuk apabila risiko itu lama-kelamaan berubah. Saya bekerjasama dengan pemilik dasar dan proses yang berkaitan untuk mencadangkan dan membuat penyesuaian dan penambahbaikan mengikut kesesuaian.
- Saya memupuk persekitaran amanah dan menggalakkan pasukan saya supaya mengambil tanggungjawab peribadi untuk bersuara jika mereka mempunyai kebimbangan. Saya memastikan pasukan saya tahu bahawa mereka akan didengar, boleh mengharapkan yang kata-kata mereka akan dianggap serius, dan dilindungi daripada tindakan balas apabila mereka berbuat demikian.
- Saya memantau bagaimana kepatuhan dicapai oleh ahli Panasonic di bawah penyeliaan langsung saya.
- Jika sesuatu kebimbangan kepatuhan atau etika dikemukakan kepada saya, saya mengambil tindakan susulan dengan segera untuk melibatkan bahagian lain dan memajukannya mengikut kesesuaian. Saya membantkitkan apa-apa kebimbangan serius yang dibawa kepada perhatian saya dengan seberapa segera yang mungkin untuk penyiasatan melalui saluran yang wajar.
- Jika sebarang pelanggaran yang dikenal pasti menjelaskan bidang tanggungjawab saya, saya akan bekerjasama dengan pemilik dasar dan proses yang berkaitan untuk mengambil tindakan pembetulan segera terhadap isu tersebut dan mempertimbangkan sama ada kajian semula yang lebih meluas diperlukan.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, mana-mana orang yang dilantik untuk memegang jawatan berkanun rasmi, atau peranan pucuk pimpinan di sebuah syarikat Kumpulan Panasonic, termasuk sebagai pengarah, pegawai eksekutif, penasihat, fellow, juruaudit atau juruaudit khas di Jepun atau peranan yang setara di mana-mana negara lain dan mana-mana ketua lain sesuatu Unit Organisasi Panasonic, termasuk ketua mana-mana Syarikat Pengendalian, Syarikat Bahagian, Bahagian Perniagaan, Bahagian Ibu Pejabat, Pejabat Cawangan, Pejabat Jualan, Makmal Penyelidikan Panasonic atau yang setara, mesti memenuhi obligasi mereka di bawah undang-undang yang terpakai dan peraturan dalaman, dan memikul tanggungjawab berikut untuk memimpin kepatuhan di Panasonic:

- Saya menetapkan jangkaan yang jelas mengenai budaya kita untuk memastikan kepatuhan. Saya melibatkan diri dalam, dan memimpin, perniagaan yang terhadapnya saya bertanggungjawab, dengan keadilan dan kejujuran.
- Saya menetapkan, melaksanakan dan mengekalkan sistem dan prosedur untuk memastikan kepatuhan.
- Saya melaksanakan proses untuk memantau pengendalian sistem dan prosedur kepatuhan ini.
- Saya sentiasa mengkaji semula sistem dan prosedur kepatuhan yang terhadapnya saya bertanggungjawab dan menyemaknya jika dan apabila perlu.
- Jika saya mendapat tahu tentang sesuatu pelanggaran kepatuhan yang sebenar atau disyaki dalam bidang tanggungjawab saya, dengan sokongan bahagian yang berkaitan:
 - Saya menyiasat perkara itu dengan segera dan teliti;
 - Saya mengambil langkah-langkah untuk memulihkan pelanggaran itu dan apa-apa pelanggaran lain yang berkaitan;
 - Saya mengenal pasti punca pelanggaran itu; dan
 - Saya melaksanakan langkah-langkah untuk mencegah pelanggaran yang serupa daripada berlaku lagi.
- Jika timbulnya sebarang hal keadaan yang menandakan sesuatu isu dengan keberkesan sistem atau kawalan kepatuhan, saya mengambil langkah-langkah yang pasti untuk mengkaji semula sistem dan kawalan itu dan melaksanakan apa-apa peningkatan yang sesuai.
- Jika saya menyedari apa-apa petunjuk pelanggaran kepatuhan atau isu dengan keberkesan sistem atau kawalan kepatuhan, saya mengambil tanggungjawab peribadi untuk mengesahkan bahawa langkah-langkah yang perlu akan diambil.



Bab 1.

Tanggungjawab Kita



3. Membuat keputusan beretika

Kebolehan Panasonic untuk membuat sumbangan positif kepada masyarakat bergantung pada tindakan dan keputusan setiap individu di Panasonic. Membuat keputusan beretika melibatkan pertimbangan yang teliti sebelum mengambil tindakan. Jika anda tidak dapat membuat keputusan dengan keyakinan, bertanya soalan berikut kepada diri anda sendiri mungkin dapat membantu anda:

- Adakah ini sah di sisi undang-undang?
- Adakah ini sejajar dengan Falsafah Perniagaan Asas Syarikat, Kod ini dan peraturan dalaman lain yang terpakai untuk peranan saya?
- Adakah ini akan merosakkan imej jenama Panasonic?
- Adakah ini terasa seperti sesuatu yang wajar dilakukan?
- Adakah ini akan mendatangkan kesan buruk terhadap pihak berkepentingan kita?
- Bagaimanakah ini akan ditulis jika ia menjadi tajuk berita atau dikongsi pada media sosial?
- Bagaimanakah Panasonic akan terkesan jika semua ahli Panasonic bertingkah laku sedemikian?

Pemimpin pasukan, penyelia dan pengurus patut bertanya soalan tambahan berikut kepada diri mereka sendiri:

- Adakah ini telah dilakukan dengan cara yang betul?
- Adakah prosedur yang betul telah diikut?
- Adakah isu ini berlaku sekali sahaja atau mungkin ia merupakan sebahagian daripada masalah yang lebih meluas?

Melaporkan atau membangkitkan kebimbangan:

Jika jawapan anda kepada soalan-soalan ini menunjukkan bahawa mungkin terdapat pelanggaran atau penyimpangan daripada Falsafah Perniagaan Asas, Kod ini, peraturan dan prosedur dalaman kita atau undang-undang dan peraturan yang terpakai, atau jika anda tidak pasti, anda diharapkan supaya bertanya soalan, melaporkan atau membangkitkan kebimbangan anda dan tidak berdiam diri. Anda boleh melaporkan pelanggaran yang sebenar atau disyaki, membangkitkan kebimbangan anda atau membincangkan sesuatu yang anda tidak pasti atau sebarang keraguan, dengan mana-mana sumber berikut. Panasonic akan menyiasat semua kebimbangan yang dibangkitkan:

- Berunding dengan penyelia, pengurus atau pasukan pengurusan.
- Hubungi pasukan sumber manusia, pasukan perundangan dan kepatuhan, atau pasukan kefungsian berkaitan lain yang bertanggungjawab terhadap perniagaan atau bahagian anda.
- Kunjungi Talian Penting Global  : Tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Semua ahli Panasonic (termasuk bekas ahli Panasonic) dan rakan perniagaan boleh membangkitkan kebimbangan secara tanpa nama dan tanpa mendedahkan identiti mereka kepada sesiapa pun. Semua laporan dan kebimbangan akan dikendalikan secara rahsia.

Tiada tindakan balas:

Panasonic tidak bertoleransi terhadap sebarang tindakan balas atau tindakan lain yang mendiskriminasikan atau merugikan sesiapa pun yang bertindak dengan suci hati untuk membangkitkan kebimbangan kepatuhan.



Kita memanfaatkan kebijaksanaan kolektif kita dan menghormati keindividuan unik setiap rakan sekerja, keselamatan dan keterjaminan di tempat kerja kita.





Bab 2. Tempat Kerja Kita



1. Menghormati satu sama lain

Kumpulan Panasonic membangunkan ahli-ahlinya untuk mengambil peranan yang giat dalam perniagaan global kita. Panasonic menggalakkan Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman di tempat kerja, memupuk persekitaran yang dalamnya keindividuan setiap orang yang bekerja di Panasonic adalah dihormati, terangkum dan dihargai. Kita memanfaatkan kehebatan kepelbagaian kita, sementara memberikan peluang yang sama kepada setiap individu untuk menghadapi cabaran mengikut sifat unik dan pengalaman mereka sendiri. Panasonic percaya akan kepentingan pengurusan melalui pengumpulan kebijaksanaan setiap individu, dan mengalu-alukan, menerima dan menghormati pelbagai pandangan dan perspektif.

Komitmen Kita

- Kita tidak bertoleransi terhadap sebarang diskriminasi atau gangguan. Kita menjalankan aktiviti, dan telah mewujudkan rangka kerja, untuk menimbulkan kesedaran mengenai isu-isu ini dan untuk memantapkan kedudukan syarikat kita sebagai sebuah organisasi yang dalamnya keindividuan setiap orang adalah dihormati.
- Kita mendorong dan mempertingkat sistem kita demi peluang perkembangan kerjaya, penilaian kakitangan, penggajian, pembangunan sumber manusia, dan menggalakkan persekitaran yang dalamnya kepelbagaian adalah dihargai. (Lihat juga [Menghormati hak asasi manusia](#))
- Kita menggalakkan persekitaran kerja positif yang menghargai pelbagai jenis gaya bekerja yang berbeza. Kita memupuk budaya jalinan kerjasama, supaya setiap orang yang bekerja di Panasonic dapat menunjukkan keindividuannya dengan sepenuhnya. Sebagai sebuah organisasi, kita memanfaatkan kehebatan kepelbagaian kita.

Komitmen Saya

- Saya tidak melibatkan diri dalam apa-apa tingkah laku yang mungkin mengakibatkan diskriminasi berdasarkan mana-mana perkara berikut atau sebarang sifat peribadi, pengalaman atau kepercayaan yang serupa: umur, jantina, kaum, warna kulit, kepercayaan, agama, status sosial, kewarganegaraan, kumpulan etnik, status perkahwinan, pilihan seksual, identiti jantina dan ekspresi jantina, kehamilan, sejarah perubatan, adanya atau tidak adanya jangkitan virus atau hal yang serupa, maklumat genetik, adanya atau tidak adanya kehilangan upaya, keahlian parti politik atau pilihan politik, keahlian kesatuan sekerja atau sejarah perkhidmatan tentera.
- Saya berusaha untuk mewujudkan tempat kerja yang adil dan positif. Saya menghormati pandangan dan nilai-nilai berbeza para individu dan menahan diri daripada tingkah laku yang tidak mengendahkan nilai seorang individu. Saya tidak menggunakan bahasa yang menyakitkan hati atau bersifat agresif terhadap orang lain, atau melibatkan diri dalam sebarang bentuk pembulian, gangguan atau keganasan.
- Saya mengambil tindakan segera apabila saya perasan tentang perbuatan diskriminasi atau gangguan oleh rakan sekerja, penyelia, pengurus atau ahli eksekutif saya terhadap saya sendiri atau terhadap mana-mana orang lain yang dengannya saya berinteraksi di Panasonic atau di luar Panasonic. Perkara ini boleh merangkumi tindakan menyatakan pendapat saya dengan segera dan jujur kepada orang yang bertanggungjawab, atau memberikan sokongan kepada mangsa diskriminasi atau gangguan. Saya melaporkan apa-apa diskriminasi atau gangguan yang diperhatikan. (Lihat juga [Melaporkan atau membangkitkan kebimbangan](#))

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Dasar DEI (Diversity, Equity and Inclusion atau Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman) Kumpulan Panasonic
- Peraturan mengenai Hak Asasi Manusia dan Kepatuhan Pekerja (Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan sumber manusia

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global **EAR9** untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Dalam kes tertentu, termasuk serangan fizikal atau seksual, gangguan mungkin merupakan jenayah dan penalti jenayah seperti denda dan hukuman penjara boleh dikenakan.
- Di sesetengah negara, syarikat bertanggungjawab untuk melaksanakan tindakan pencegahan terhadap gangguan, seperti gangguan seksual. Syarikat yang gagal mengatur tindakan tersebut mungkin dikenakan hukuman pentadbiran atau denda.
- Banyak syarikat mengharapkan pembekalan supaya menggalakkan kepelbagaian. Pembekalan yang tidak dapat memenuhi harapan ini mungkin akan kehilangan peluang perniagaan.
- Syarikat yang memberarkan budaya diskriminasi atau gangguan yang berterusan mungkin menghadapi litigasi, termasuk tindakan satu pihak ("class action") secara besar-besaran dan boleh menghadapi tuntutan ganti rugi yang banyak.



Bab 2.

Tempat Kerja Kita



2. Melindungi kesihatan dan keselamatan

Syarikat patut menyediakan persekitaran kerja yang selamat, terjamin dan sihat untuk semua ahlinya, yang melindungi kesejahteraan fizikal dan mental mereka. Boleh dikatakan bahawa menjadi sihat, berasa selamat dan terjamin merupakan keperluan asas manusia. "Menjadi sihat" bermaksud bukan sahaja tiada penyakit atau kecederaan, tetapi hidup dengan bertenaga dalam keadaan fizikal dan mental yang baik. Persekutuan kerja yang selamat dengan komunikasi terbuka adalah diperlukan untuk memastikan bahawa pekerja berasa terjamin dan memanfaatkan kebolehan mereka dengan sebaik-baiknya.

Komitmen Kita

- Dengan mencerminkan kepercayaan teguh pengasas kita, Konosuke Matsushita, kepada sikap "menghargai pekerja kita", kita berusaha untuk menyediakan tempat kerja yang semua ahli Panasonic boleh bekerja dengan selamat dalam keadaan yang sihat dari segi fizikal dan mental. Kita telah mengadakan rangka kerja untuk menggalakkan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan mental, dan untuk mengenal pasti aspek persekitaran kerja kita yang mungkin berbahaya dan mendatangkan keburukan. Kita menjalankan penilaian risiko, dan membuat penambahan secara sistematis berdasarkan hasil penilaian itu. Kita menyediakan pendidikan dan latihan berstruktur untuk memajukan matlamat ini.
- Kami mematuhi undang-undang dan peraturan buruh yang terpakai berkenaan waktu kerja dan hari cuti, serta berusaha untuk menyesuaikan waktu kerja dan kandungan kerja dengan sewajarnya supaya ahli Panasonic dapat menjalani gaya hidup sihat dengan mengekalkan kesihatan mental dan fizikal yang baik. (Lihat juga Menghormati Hak Asasi Manusia)
- Di samping memberi ahli Panasonic apa-apa pemeriksaan kesihatan perubatan yang diperlukan, kita juga memberikan peluang kepada ahli Panasonic untuk mempelajari selanjutnya tentang pencapaian kesihatan fizikal dan mental yang lebih baik.

Komitmen Saya

- Saya melakukan kerja saya dengan selamat mengikut peraturan dan prosedur dalaman yang terpakai bagi kerja saya.
- Jika saya perasan tentang apa-apa aktiviti kerja, peralatan atau kawasan di tempat kerja yang berbahaya atau mendatangkan keburukan, saya melaporkannya dengan segera kepada penyelia saya atau orang yang bertanggungjawab, dan meminta supaya langkah sesuai diambil tanpa membiarkan masalah itu tidak diselesaikan.
- Saya menyertai dengan giat aktiviti dan latihan pendidikan yang perlu untuk mengekalkan dan mempertingkat keselamatan tempat kerja, dan saya mengalu-alukan dan menggalakkan komunikasi di tempat kerja untuk mempertingkat kesihatan diri dan kesejahteraan mental.
- Jika saya perasan tentang risiko kesihatan atau keselamatan yang tidak dapat saya selesaikan sendiri dengan segera, saya membuat laporan kepada mereka yang bertanggungjawab terhadap kesihatan dan keselamatan atau membangkitkan kebimbangan, supaya tindakan boleh diambil untuk mengurangkan atau menghilangkan risiko itu. (Lihat juga Melaporkan atau membangkitkan kebimbangan)
- Untuk Pemimpin** Saya berusaha untuk mengekalkan dan memperbaik persekitaran tempat kerja supaya ahli pasukan saya boleh bekerja dengan cara yang selamat dan sihat. Saya menetapkan matlamat yang sesuai untuk pasukan saya, berkomunikasi dengan sewajarnya dengan ahli pasukan saya, mendengar pendapat mereka, dan berusaha untuk meningkatkan motivasi mereka bagi memanfaatkan kebolehan mereka dengan sepenuhnya.
- Untuk Pemimpin** Saya memperhatikan waktu kerja ahli pasukan saya untuk memastikan bahawa mereka tidak bekerja selama tempoh yang berlebih-lebihan melewati had undang-undang yang terpakai, atau menyembunyikan atau kurang melaporkan waktu bekerja sebenar mereka.

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan sumber manusia

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global **EAR911** untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Pelanggaran undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan tempatan mungkin mengakibatkan penalti jenayah. Individu yang bertanggungjawab boleh dikenakan denda atau hukuman penjara. Syarikat yang terlibat mungkin menghadapi penalti kewangan dan dikehendaki supaya memberhentikan operasi sehingga penambahbaikan keselamatan dibuat.
- Standard kesihatan dan keselamatan yang tidak baik mungkin mengakibatkan kecederaan parah kakitangan syarikat dan pelawat di tapak.
- Insiden keselamatan tempat kerja yang serius mungkin merosakkan nama baik syarikat.



Kita menyumbang kepada
masyarakat dengan
memanfaatkan dengan
sebaik-baiknya sumber
syarikat kita.





Bab 3. Aset dan Maklumat Syarikat Kita



1. Bertindak demi kepentingan syarikat kita

Dalam peranan kita sebagai “entiti awam masyarakat”, kita mesti menyumbang kepada masyarakat dengan melibatkan diri dalam aktiviti yang memanfaatkan dengan sebaik-baiknya sumber pengurusan yang diamanahkan kepada kita, termasuk sumber manusia, modal, tanah dan bahan untuk memaksimumkan nilai yang kita wujudkan melalui aktiviti perniagaan kita. Kita tidak boleh sekali-kali menyalahgunakan aset syarikat untuk mendatangkan manfaat kepada orang lain dengan cara yang tidak wajar atau mengejar kepentingan peribadi.

Komitmen Kita

- Kita telah menetapkan peraturan dalaman untuk pencegahan, pengenalpastian dan pengurusan percanggahan kepentingan yang mungkin berlaku atau sebenar, dan memastikan bahawa peraturan tersebut diketahui dan dipatuhi.

Komitmen Saya

- Saya mematuhi peraturan dalaman yang terpakai mengenai pencegahan Percanggahan Kepentingan dan sesuatu yang nampaknya seperti Percanggahan Kepentingan. Saya memahami bahawa “Percanggahan Kepentingan” mungkin timbul dalam apa-apa situasi yang dalamnya kepentingan peribadi atau aktiviti peribadi saya, atau keluarga dan sahabat karib saya, bercanggah secara langsung atau tidak langsung dengan kepentingan Kumpulan Panasonic. Sesuatu percanggahan mungkin timbul jika kepentingan peribadi ini menjelaskan keputusan perniagaan Panasonic atau tindakan saya, kebolehan saya untuk melaksanakan kewajipan kerja saya di Panasonic, atau kesetiaan saya kepada Panasonic. Sesuatu yang nampaknya seperti Percanggahan Kepentingan pun mungkin mewujudkan risiko atau menjelaskan kepercayaan terhadap Panasonic, dan dianggap sebagai “Percanggahan Kepentingan”.
- Saya tidak menjalankan sebarang perniagaan atau urus niaga Panasonic dengan mana-mana pihak yang dalamnya saya atau ahli keluarga saya mempunyai kepentingan kewangan yang perlu dilaporkan di bawah peraturan dalaman yang terpakai, tanpa mendedahkan maklumat ini terlebih dahulu kepada penyelia atau pengurus saya.
- Saya tidak menerima sebarang hadiah, ganjaran, bayaran, perkhidmatan atau barang berharga yang lain daripada mana-mana pembekal, pelanggan, rakan perniagaan atau pesaing, melainkan jika dibenarkan di bawah peraturan dalaman yang terpakai untuk saya.
- Semasa waktu bekerja saya di Panasonic, saya menumpukan usaha terbaik dan prestasi sepenuh masa saya kepada kerja saya untuk Panasonic dan bukannya untuk sebarang perniagaan lain.
- Saya tidak menggunakan, atau mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga, sebarang maklumat bukan awam Panasonic untuk apa-apa tujuan selain tujuan yang perlu untuk melaksanakan kewajipan kerja Panasonic saya.
- Saya mengikut prosedur di bawah peraturan dalaman yang terpakai untuk mendedahkan dengan segera apa-apa percanggahan kepentingan sebenar, kemungkinan percanggahan kepentingan dan apa-apa yang nampaknya seperti percanggahan kepentingan, dan berkongsi semua maklumat yang berkaitan.
- Untuk pemimpin Saya mengkaji semula semua fakta relevan berhubung dengan percanggahan yang didebak sebelum meluluskan atau menolaknya, dan mempertimbangkan langkah-langkah yang sesuai untuk meminimumkan risiko kepada Panasonic yang timbul daripada percanggahan itu.

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Peraturan mengenai Percanggahan Kepentingan
(Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan perundangan dan kepuatan
- Pasukan sumber manusia

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global **EARS** untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Percanggahan kepentingan yang merupakan penipuan, pencurian, pecah amanah jenayah atau perdagangan orang dalam mungkin boleh dihukum sebagai jenayah, dan penalti jenayah (denda atau hukuman penjara) boleh dikenakan.
- Sesuatu yang nampaknya seperti percanggahan kepentingan pun mungkin membawa kepada penyiasatan yang berpanjangan oleh pengawal selia dan mengakibatkan gangguan yang signifikan terhadap perniagaan.



Bab 3. Aset dan Maklumat Syarikat Kita



2. Berkomunikasi secara luaran

Memberikan maklumat yang tepat dan benar apabila berkomunikasi dengan orang dan pihak di luar Panasonic merupakan prasyarat untuk mendapatkan kepercayaan daripada pembekal, pelanggan, rakan perniagaan dan masyarakat, dan adalah amat penting untuk melindungi dan mempertingkat nilai jenama kita.

Komitmen Kita

- Kita memberikan maklumat yang adil dan tepat berhubung dengan produk, perkhidmatan dan teknologi kita melalui komunikasi korporat, pengumuman awam dan pengiklanan kita, dengan matlamat untuk memberikan maklumat kepada pelanggan kita dan pihak berkepentingan lain dengan cara yang lebih baik dan mempertingkat nilai jenama kita. Kita berkomunikasi secara terbuka tentang Falsafah Perniagaan Asas kita.
- Kita mendengar dan menimba ilmu pengetahuan secara berterusan daripada pelanggan kita dan masyarakat pada keseluruhannya. Kita mencerminkan maklum balas yang kita terima dalam aktiviti perniagaan kita.
- Kita mendasarkan komunikasi korporat kita pada fakta yang tepat. Komunikasi korporat kita menghormati kepelbagaiannya, tidak mendiskriminasikan mana-mana kumpulan sosial, memfitnah atau menjelaskan maruah peribadi mana-mana orang. Kita berkomunikasi dengan jelas mengikut Kod ini dan berpegang teguh pada budaya integriti dan ketelusan.

Komitmen Saya

- Saya mematuhi Dasar Global yang terpakai berkaitan dengan jenama dan komunikasi untuk mengoptimumkan hubungan antara syarikat kita dengan pihak berkepentingannya.
- Saya hanya menghubungi atau menjawab pertanyaan daripada media bagi pihak Panasonic jika saya diberi kuasa oleh Panasonic untuk mengendalikan hubungan dengan pihak media atau perhubungan media.
- Apabila bercakap kepada orang awam, saya hanya berkongsi maklumat berhubung dengan Panasonic dan pembekal, pelanggan dan rakan perniagaan kita yang bersifat tidak sulit dan merupakan sesuatu dalam pengetahuan ramai, atau maklumat yang saya telah diberi kuasa dan diarahkan untuk menghebahkan bagi pihak syarikat kita.
- Saya tetap tahu dan sedar jika saya membuat pernyataan yang mungkin dianggap sebagai pernyataan bagi pihak Panasonic, dan saya mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa pernyataan saya adalah benar, sesuai dan sepadan dengan nilai jenama kita.
- Saya memahami bahawa maklumat dan pendapat yang saya kongsikan, termasuk mesej yang dihantar melalui media sosial peribadi saya, mungkin dianggap sebagai maklumat dan pendapat Panasonic dan mungkin memberikan kesan terhadap Panasonic dan jenamanya. Saya hanya menghantar pada media sosial bagi pihak Panasonic jika saya telah dilantik oleh syarikat untuk memegang peranan ini.
- Saya berusaha seboleh-bolehnya untuk memastikan bahawa komen saya tidak melanggar hak harta intelek mana-mana pihak ketiga. Saya memastikan bahawa komen saya tidak melanggar peraturan dalaman yang terpakai berhubung dengan keselamatan maklumat.
- Saya menghormati pendapat, identiti dan privasi orang lain dalam komunikasi dan komen awam saya.

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Peraturan Pengendalian untuk Media Digital
 - Garis Panduan Media Sosial Kumpulan Panasonic
 - Dasar ISM Global
- (Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan Jenama dan Komunikasi
- Pasukan perhubungan pelabur
- Pasukan keselamatan maklumat

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Individu yang melanggar hak harta intelek atau membocorkan rahsia perdagangan atau maklumat peribadi boleh dikenakan denda jenayah, bahkan hukuman penjara di sesetengah negara. Syarikat tempat individu ini bekerja juga mungkin menghadapi pendakwaan jenayah atau hukuman lain.
- Membocorkan maklumat tentang syarikat tersenarai kepada pihak media boleh memberikan kesan yang signifikan terhadap harga saham, melanggar undang-undang dan peraturan sekuriti dan mungkin mendatangkan keburukan kepada pelabur. Denda pentadbiran atau penalti jenayah (denda, hukuman penjara) juga mungkin dikenakan, bergantung pada hal keadaan.



Bab 3.

Aset dan Maklumat Syarikat Kita



3. Melindungi dan menggunakan aset syarikat kita

Kita bertanggungjawab untuk menggunakan dengan sebaik-baiknya aset dan sumber yang diamanahkan kepada kita oleh masyarakat, dan untuk memaksimumkan nilai yang kita wujudkan melalui aktiviti perniagaan kita, demi manfaat masyarakat. Melindungi dan menggunakan aset kita, termasuk aset kewangan, harta tanah, peralatan, harta intelek, maklumat perniagaan dan jenama merupakan prasyarat yang sangat penting bagi tindakan Panasonic sebagai "entiti awam masyarakat" sejajar dengan visi pengasas kita, Konosuke Matsushita. Amat penting bahawa setiap seorang daripada kita mengambil serius tanggungjawab kita .

Komitmen Kita

1. Perlindungan dan penggunaan aset
2. Keselamatan Maklumat
3. Jenama

- Kita melaksanakan peraturan dan prosedur untuk memperoleh, melindungi dan menggunakan aset Panasonic secara berkesan (termasuk maklumat, harta intelek dan jenama) mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai, dan untuk memaksimumkan pertumbuhan perniagaan dan nilai korporat.
- Kita menghormati aset (termasuk maklumat, harta intelek dan jenama) rakan perniagaan kita dan pihak ketiga yang lain.
- Kita memahami bahawa keperluan keselamatan maklumat berkembang dengan cepat. Kita membuat penyesuaian dengan perubahan yang sedang berlangsung dan sentiasa mengemaskinikan peraturan dalaman kita.
- Kita melindungi maklumat kita sendiri, dan juga maklumat orang lain dalam milik kita, daripada ancaman serangan siber.
- Kita mengekalkan peraturan dan garis panduan dalaman yang melindungi identiti unik dan kesinambungan jenama kita, yang melambangkan nilai-nilai kita dan menjalin pertalian kita dengan masyarakat.
- Kita tidak membenarkan pihak ketiga menggunakan jenama syarikat kita selain jika terdapat alasan khas yang mewajarkan penggunaan tersebut.

Komitmen Saya

1. Perlindungan dan penggunaan aset
2. Keselamatan Maklumat
3. Jenama

- Saya hanya menggunakan aset syarikat (termasuk maklumat, harta intelek dan jenama) mengikut peraturan dalaman yang terpakai, dan hanya untuk menjalankan perniagaan dengan sewajarnya. Saya tidak melakukan apa-apa perbuatan yang merosakkan nilai aset kita, seperti pencurian atau penggunaan tanpa izin. Saya menggunakan usaha terbaik saya untuk melindungi aset syarikat daripada kerugian/kehilangan.
- Saya menggunakan aset pihak lain setakat mana yang dibenarkan sahaja dan hanya untuk menjalankan perniagaan dengan sewajarnya.
- Saya mewujudkan, memperoleh dan melindungi harta intelek Panasonic (termasuk data) dan menggunakan secara strategik mengikut peraturan dalaman yang terpakai.
- Saya menghormati hak orang lain ke atas harta intelek mereka sendiri dan berusaha seboleh-bolehnya agar tidak menjasakan harta intelek tersebut.
- Saya mengakui bahawa maklumat strategi pengurusan, maklumat teknikal, maklumat peribadi dan maklumat perniagaan Panasonic yang lain merupakan aset penting syarikat kita. Saya mengendalikan dan melupuskan maklumat ini dengan berhati-hati dan mengikut peraturan dalaman yang terpakai untuk melindunginya daripada akses tanpa izin, pemalsuan dan kebocoran.
- Saya mempertimbangkan dengan berhati-hati sama ada saya perlu menerima maklumat daripada pihak ketiga. Apabila saya menerima maklumat pihak ketiga, saya mengambil sekurang-kurangnya langkah yang sama untuk melindungi kerahsiaan dan mencegah kebocoran seperti bagi maklumat Panasonic.
- Saya tidak mendedahkan atau berkongsi dengan orang lain sebarang maklumat bukan awam yang saya terima melalui kerja saya, tanpa kebenaran.
- Apabila saya berhenti bekerja dengan Panasonic, saya akan memulangkan apa-apa maklumat bukan awam Panasonic dan pihak ketiga yang telah saya terima dalam menjalankan peranan saya di Panasonic, dan saya tidak akan mendedahkan atau menggunakan selepas itu.
- Saya menggunakan jenama kita mengikut peraturan dalaman yang terpakai.
- Saya memaparkan jenama kita dalam aktiviti komunikasi syarikat dengan cara yang penuh hormat.

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Peraturan Asas untuk Hal-hal Harta Intelek
- Peraturan Asas Kumpulan Panasonic untuk Hal-hal Jenama
- Peraturan Pengendalian Kumpulan Panasonic untuk Pengurusan Jenama
(Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan harta intelek
- Pasukan keselamatan maklumat
- Pasukan Jenama dan Komunikasi

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Pencurian aset dan rahsia perdagangan serta pelanggaran harta intelek merupakan jenayah di banyak negara. Individu yang terlibat boleh dikenakan hukuman penjara atau didenda. Mangsa boleh berusaha mendapatkan bayaran ganti rugi.
- Mendedahkan rahsia perdagangan syarikat lain tanpa kebenaran boleh dianggap sebagai pendekahan yang menyalah undang-undang dan boleh dikenakan penalti jenayah seperti denda atau hukuman penjara. Perkara ini juga boleh terpakai untuk pekerja baharu yang berkongsi rahsia perdagangan daripada bekas majikan mereka.
- Penggunaan jenama tanpa kebenaran di luar skop perjanjian lesen dengan pemegang hak mungkin mengakibatkan isu-isu cukai antarabangsa.



Bab 3.

Aset dan Maklumat Syarikat Kita



4. Menyimpan dan mendedahkan maklumat syarikat

Sekuriti Kumpulan Panasonic disenaraikan pada bursa saham di beberapa buah negara, termasuk di Jepun. Pelabur dan pengawal selia menjangka untuk menerima tepat pada masanya pendedahan maklumat yang tepat, tentang aktiviti perniagaan kita. Rakan perniagaan kita bergantung pada maklumat kewangan dan maklumat lain yang kita kongsi apabila bersetuju untuk menjalankan perniagaan dengan kita. Pemimpin kita membuat keputusan mengenai strategi perniagaan kita berdasarkan laporan dalaman dan data yang kitakekalkan. Untuk mengekalkan kepercayaan dan untuk menjalankan perniagaan kita secara bertanggungjawab dengan sumber yang diamanahkan kepada kita oleh masyarakat, adalah penting bahawa kita tidak mengelirukan sesiapa pun dengan maklumat yang kitakekalkan dan dedahkan.

Komitmen Kita

- Amalan perakaunan kita mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai serta prinsip perakaunan yang diterima umum, dan adalah sentiasa berdasarkan prinsip keadilan dan kejujuran. Kita menyediakan rekod kewangan tepat yang mencerminkan hasil kendalian dan kedudukan kewangan syarikat kita. Sebagai "entiti awam masyarakat", kita juga mendedahkan dengan sewajarnya hasil kendalian dan kedudukan kewangan kita kepada pelanggan, pemegang saham, pelabur, ahli Panasonic dan pihak berkepentingan lain.
- Kita menetapkan dan mengekalkan kawalan dalaman untuk memastikan kepercayaan dan keyakinan dalam pelaporan kewangan seluruh Kumpulan Panasonic, dan untuk memastikan pendedahan maklumat korporat, termasuk maklumat kewangan, tepat pada masanya dan dengan sewajarnya.
- Kita mendedahkan maklumat mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai, dan di samping itu, maklumat yang kita sifatkan sebagai perlu, seperti maklumat yang berkaitan dengan ESG ("Environmental, Social and Governance" atau Alam Sekeliling, Sosial dan Tadbir Urus). Kita mengikut prosedur kawalan dalaman yang sesuai untuk memastikan bahawa maklumat yang kita dedahkan adalah adil, tepat dan mencukupi.
- Kita menetapkan dan mengekalkan peraturan dalaman untuk memastikan bahawa dokumen dan maklumat direkodkan, disimpan dan dilupuskan dengan sewajarnya.
- Kita merupakan syarikat yang bersifat amat telus, mendengar dengan rendah diri penilaian dan permintaan pelanggan kita, dan kita berusaha untuk menggabungkannya ke dalam aktiviti perniagaan kita.
- Kita membayar cukai di negara dan wilayah di seluruh dunia seperti yang ditaksir dengan sewajurnya ke atas aktiviti perniagaan kita.

Komitmen Saya

- Saya tidak sekali-kali melibatkan diri dalam kelakuan tidak wajar seperti penipuan atau pemalsuan hasil prestasi perniagaan, serahan pemfailan pengawalseliaan kepada organisasi kerajaan dan laporan dalaman atau luaran lain. Saya melaksanakan kerja saya, termasuk semua urus niaga, dengan mematuhi prosedur dalaman yang diluluskan.
- Saya tidak melibatkan diri dalam tingkah laku atau prosedur yang melanggar peraturan dalaman untuk tujuan mencapai sasaran kewangan atau hasil perniagaan, termasuk sasaran jualan dan keuntungan.
- Saya mengendalikan semua tuntutan perbelanjaan, termasuk tuntutan untuk perjalanan perniagaan, hadiah dan hiburan dengan sewajurnya mengikut peraturan dalaman yang terpakai.

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Prinsip Perakaunan
 - Peraturan Perakaunan
- (Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan perakaunan, kewangan dan perhubungan pelabur
- Pasukan perundangan dan kepatuhan

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Syarikat yang menyerahkan maklumat kewangan atau maklumat lain yang palsu kepada badan kerajaan atau pihak berkuasa percuaian boleh dikenakan denda jenayah dan penalti cukai. Individu yang terlibat juga boleh dikenakan penalti jenayah (denda, hukuman penjara).
- Penerbitan maklumat yang mengelirukan mungkin melanggar undang-undang dan peraturan sekuriti, menghancurkan kepercayaan kepada sebuah syarikat dan mengakibatkan kerosakan yang cukup besar terhadap nilai jenama syarikat. Denda pentadbiran atau penalti jenayah (denda, hukuman penjara) mungkin dikenakan, bergantung pada hal keadaan.
- Individu yang menyerahkan tuntutan perbelanjaan yang tidak jujur atau melaporkan secara berlebihan jualan atau data prestasi lain untuk memenuhi sasaran bonus atau komisen mungkin melakukan penipuan terhadap majikan mereka dan mungkin boleh dikenakan penalti jenayah seperti denda atau hukuman penjara.



Kita menjalankan semua urus niaga secara adil, beretika dan dengan mematuhi undang-undang, menjalin hubungan yang dipercayai dengan pelanggan & rakan perniagaan kita.





Bab 4.

Hubungan Perniagaan Kita

Tentang Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic

Bab 1.
Tanggungjawab Kita

Bab 2.
Tempat Kerja Kita

Bab 3.
Aset dan Maklumat Syarikat Kita

Bab 4.
Hubungan Perniagaan Kita

Bab 5.
Tanggungjawab Sosial Kita

1. Perlindungan daripada rasuah

Falsafah perniagaan Panasonic adalah untuk menyediakan produk dan penyelesaian yang paling baik dengan cara yang adil dan jujur dalam semua urusan perniagaan. Perkara ini membawa kepada peluang perniagaan yang lebih besar. Kita menolak dengan kerasnya sebarang keuntungan yang diperoleh daripada perbuatan penyogokan atau rasuah yang melibatkan pegawai kerajaan atau rakan perniagaan komersial yang lain.

Komitmen Kita

- Kita tidak bertoleransi terhadap apa-apa perbuatan penyogokan atau rasuah dalam hubungan kita dengan pegawai kerajaan atau dengan rakan perniagaan komersial lain, ataupun sesuatu yang nampaknya seperti rasuah.
- Kita telah menetapkan peraturan dan prosedur dalaman untuk menguruskan dan mengurangkan risiko apabila berurusan dengan pengantara pihak ketiga, pengantara jualan dan pemberi perkhidmatan pentadbiran, serta untuk memberikan perlindungan daripada rasuah yang melibatkan pihak ketiga. Kita menjalankan penyaringan penilaian wajar ke atas rakan perniagaan kita. Kontrak kita dengan pengantara melarang penyogokan dan rasuah. Jika kita semunasabahnya mempercayai bahawa mana-mana rakan perniagaan kita mempunyai kaitan dengan perbuatan penyogokan atau rasuah yang tidak dibetulkan sehingga kita berpuas hati, kita boleh mengambil tindakan setakat dan termasuk menggantung, tidak membaharu atau menamatkan mana-mana hubungan perniagaan yang berkaitan.
- Kita telah menetapkan dan menguatkuaskan dengan ketat peraturan dalaman berhubung dengan pemberian hadiah dan hiburan dengan pegawai kerajaan dan pihak ketiga lain.
- Kita melarang ahli kita daripada menawarkan sebarang manfaat atau sokongan kepada pegawai kerajaan untuk menggalakkan atau mencepatkan sesuatu prosedur atau keputusan kerajaan atau pengawalseliaan rutin, selain daripada bayaran yang ditentukan secara rasmi oleh undang-undang atau peraturan. Bayaran terlarang ini sering disebut sebagai "bayaran pemudahan" dan contohnya termasuk pembayaran jumlah kecil yang diminta oleh pegawai kerajaan individu untuk mempercepat atau menyelesaikan pelepasan kastam atau prosedur kelulusan kerajaan yang lain.

Komitmen Saya

- Saya mematuhi peraturan dalaman yang terpakai mengenai pencegahan rasuah dan pencegahan penyogokan.
- Saya tidak memberikan atau menawarkan sebarang manfaat kepada mana-mana pegawai kerajaan atau pihak ketiga, termasuk pembekal, pelanggan atau rakan perniagaan (atau saudara atau orang hubungan rapat mereka), untuk mempengaruhi secara tidak wajar sesuatu keputusan berhubung dengan perniagaan Panasonic atau untuk memperoleh atau meneruskan apa-apa kelebihan perniagaan yang tidak wajar, walaupun pemberian manfaat merupakan kelaziman dalam pasaran tempatan. "Manfaat" boleh mengambil banyak bentuk, contohnya termasuk wang tunai; sesuatu yang sama nilainya dengan wang tunai seperti kad hadiah, kad pengangkutan (teksi, kereta api, bas), bauar hadiah, kupon hadiah, pinjaman dan perbatuan pengguna penerbangan kerap ("frequent flyer mileage"); hadiah; hidangan makanan; perjalanan dan bentuk hospitaliti atau hiburan lain; kredit perkhidmatan; sumbangan politik atau amal; derma; tajaan; penggajian; atau peluang perniagaan dan latihan amali (berbayar atau tidak berbayar).
- Saya tidak menggalakkan atau meminta sesiapa pun untuk memberikan manfaat kepada saya atau kepada mana-mana saudara atau orang hubungan rapat saya, atau menerima sebarang manfaat daripada mana-mana pegawai kerajaan atau mana-mana pembekal pihak ketiga, pelanggan atau rakan perniagaan, sebagai balasan terhadap apa-apa kelebihan perniagaan.
- Saya menjalankan transaksi perniagaan mengikut peraturan dalaman yang terpakai, termasuk penyaringan pengantara pihak ketiga, pengantara jualan dan pemberi perkhidmatan pentadbiran berkenaan dengan risiko penyogokan dan rasuah.
- Saya mematuhi peraturan dan prosedur dalaman yang terpakai apabila menjalankan aktiviti bagi pihak syarikat kita, seperti sumbangan kerajaan, derma, tajaan, pelobian, penggajian/pelantikan individu, percantuman/pemerolehan dan usaha sama.

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Dasar Pencegahan Sogokan/ Pencegahan Rasuah Global
- Peraturan mengenai Pengurusan Risiko Pengantara Pihak Ketiga bagi Pencegahan Sogokan/ Pencegahan Rasuah
- Peraturan mengenai Hadiah dan Hospitaliti bagi Pencegahan Sogokan/ Pencegahan Rasuah
- Peraturan mengenai Percanggahan Kepentingan (Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Awam]

- [Garis Panduan Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah \(Untuk Rakan Perniagaan\)](#)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan perundangan dan kepatuhan

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global **EARS** untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Penyogokan pegawai kerajaan menyalahi undang-undang di semua negara tempat Panasonic beroperasi. Beberapa negara juga melarang penyogokan pihak ketiga sektor swasta, seperti pembekal, pelanggan dan rakan perniagaan. Individu yang terlibat mungkin menghadapi denda jenayah atau hukuman penjara, dan syarikat yang diwakili oleh mereka mungkin menghadapi penalti kewangan yang serius.
- Di bawah undang-undang negara dan wilayah tertentu, penyogokan yang berlaku di luar negara ini pun mungkin mengakibatkan penalti jenayah seperti denda atau hukuman penjara.
- Apa-apa kaitan dengan rasuah boleh mencemarkan nama baik syarikat dengan teruknya. Syarikat yang terlibat mungkin disingkirkan daripada perniagaan kerajaan pada masa depan dan syarikat persendirian lain mungkin keberatan untuk menjalankan perniagaan dengannya.

19

Bab 4.

Hubungan Perniagaan Kita



2. Memenuhi komitmen kita dan memastikan keselamatan dan kualiti produk dan perkhidmatan kita

Kita sentiasa menjalankan perniagaan kita dengan keadilan dan kejujuran, dan pelanggan kita mengharapkan yang terbaik daripada kita. Kita hanya boleh terus memenuhi komitmen yang kita buat terhadap pelanggan kita dan masyarakat dengan mengutamakan pematuhan kehendak undang-undang dan spesifikasi pelanggan kita demi keselamatan dan kualiti produk dan perkhidmatan kita.

Komitmen Kita

- Kita benar-benar mengutamakan keselamatan dan kualiti produk dan perkhidmatan dalam semua aktiviti reka bentuk, pembangunan, pengilangan, pemasaran dan jualan. Kita telah menetapkan prosedur dalam yang perlu untuk mematuhi semua kehendak yang terpakai termasuk undang-undang, peraturan, standard kualiti dan komitmen kontraktual yang kita buat terhadap pelanggan kita.
- Kita mematuhi peraturan yang terpakai untuk perniagaan kita termasuk pemerolehan permit, lesen dan kelayakan yang perlu. Kita juga memastikan bahawa semua ahli Panasonic mematuhi peraturan yang terpakai, termasuk memastikan bahawa mereka mempunyai kelayakan yang perlu untuk melaksanakan peranan mereka.
- Jika kita menerima maklumat berhubung dengan keselamatan produk atau perkhidmatan kita, atau jika kita mengesyaki bahawa sesuatu kehendak telah dilanggar, kita menyiasat perkara itu dan menentukan puncanya dengan segera. Jika kita mengenal pasti sesuatu kemungkinan isu keselamatan, kita bekerjasama dengan pihak berkuasa awam sepenuhnya dan secara telus, mengambil tindakan segera sebagaimana yang perlu untuk menghilangkan ancaman serius terhadap kesihatan dan keselamatan awam dan untuk mencegah apa-apa perulangan.
- Kami membangunkan produk dan perkhidmatan yang lebih baik dari segi keselamatan, kualiti, prestasi, reka bentuk, kemampuan, kemesraan alam sekitar dan kesenangan penggunaan, mempromosikan jaminan keselamatan dan penambahbaikan untuk pelbagai individu, yang boleh dicapai oleh pelbagai individu tanpa merasa sulit dalam kehidupan dan masyarakat mereka.
- Kita melaksanakan langkah-langkah untuk memberi pelanggan kita produk dan perkhidmatan yang menggunakan teknologi maklumat yang selamat dan terjamin.
- Untuk mencegah kemalangan dan memastikan penggunaan selamat produk dan perkhidmatan kita, kita memberi pelanggan kita arahan dan penerangan yang mudah difahami mengenai cara untuk menggunakan produk dan perkhidmatan kita dengan betul. Kita juga memastikan bahawa semua aktiviti kita yang berkaitan, daripada pemasangan produk hingga penyenggaraan dan pemberian selepas jualan, dijalankan dengan cara yang selamat dan bertanggungjawab.

Komitmen Saya

- Saya melaksanakan kerja saya sambil memikirkan keselamatan dan kualiti produk dan perkhidmatan kita.
- Saya tidak memalsukan atau melaporkan secara tidak tepat hasil prestasi atau pengujian untuk memenuhi kehendak yang terpakai termasuk undang-undang, peraturan, standard kualiti dan komitmen kontraktual yang kita buat terhadap pelanggan kita.
- Saya memahami dan mematuhi maklumat dan latihan yang disediakan oleh syarikat berhubung dengan undang-undang, peraturan dan standard yang terpakai bagi produk dan perkhidmatan yang saya terlibat dan komitmen yang dibuat terhadap pelanggan kita. Jika saya tidak pasti, saya bertanya soalan kepada pengurus saya atau bahagian yang berkaitan sehingga saya mendapat penjelasan.
- Saya memperoleh dengan sewajarnya kelayakan, pensijilan dan lesen yang dimaklumkan kepada saya oleh syarikat yang diperlukan untuk kerja saya. Jika peranan saya memerlukan apa-apa kelayakan, lesen atau pensijilan lain, saya tidak akan menjalankan aktiviti yang berkaitan sehingga saya telah memperoleh pensijilan yang perlu.
- Saya melaporkan atau membangkitkan keimbangan dengan segera jika saya menyedari apa-apa maklumat berhubung dengan keselamatan produk dan perkhidmatan, atau mengesyaki pelanggaran mana-mana kehendak. (Lihat juga Melaporkan atau membangkitkan keimbangan)
- Jika saya percaya bahawa prosedur yang saya dikehendaki supaya mengikut tidak dapat dipraktikkan atau tidak mungkin dipatuhi, atau tidak masuk akal berdasarkan latihan atau kelayakan saya, saya bertanya soalan kepada penyelia atau pengurus saya atau membangkitkan keimbangan.
- Untuk pemimpin: Saya mempelajari secara proaktif tentang kehendak undang-undang dan pengawalseliaan yang terpakai bagi proses pengilangan, produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang tanggungjawab saya, termasuk kehendak tempatan yang berkaitan dengan lokasi pengilangan, tempat jualan, penghantaran dan kegunaan akhir. Saya berkongsi maklumat ini dengan pasukan saya. Saya mengambil kira kehendak-kehendak ini dan menugaskan ahli Panasonic dengan kemahiran, kepakaran dan kelayakan yang sesuai bagi setiap tugas.

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Peraturan Pengendalian untuk Pentadbiran Kualiti
 - Peraturan Pengendalian untuk Reka Bentuk Sejagat
 - Peraturan Pengendalian untuk Keselamatan Produk
- (Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan kualiti
- Pasukan reka bentuk

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global **EAR9** untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Di banyak negara, pengilang boleh dipertanggungjawabkan terhadap kecacatan produk yang mengakibatkan kemudaratian kepada individu atau merosakkan harta fizikal, dan boleh menghadapi tuntutan ganti rugi yang signifikan.
- Syarikat yang bertanggungjawab terhadap kecacatan yang mengakibatkan kcederaan atau kemudaratian serius juga mungkin menghadapi tuduhan jenayah, yang mengakibatkan penalti kewangan yang berat, dan individu juga mungkin boleh dikenakan penalti jenayah seperti denda atau hukuman penjara.
- Syarikat mungkin menghadapi penyiasatan, yang menimbulkan gangguan, mengenai isu-isu keselamatan atau pemberian maklumat palsu. Pengawal selia boleh menghendaki syarikat yang bertanggungjawab supaya mengeluarkan pernyataan awam atau menjalankan penarikan balik produk. Pensijilan produk mungkin ditarik balik dan jualan mungkin digantung.
- Kegagalan untuk memperoleh kebenaran, lesen dan pensijilan yang perlu mungkin melanggar undang-undang/peraturan yang berkaitan, yang membawa risiko penalti kewangan, hukuman pentadbiran dan hukuman penjara untuk individu dan syarikat.

Bab 4.

Hubungan Perniagaan Kita



3. Membentuk rantaian bekalan yang adil dan telus

Pembekal kita merupakan rakan perniagaan amat penting yang menyokong kita untuk memberikan produk yang menyampaikan nilai yang dicari oleh pelanggan kita. Kita bekerjasama dengan pembekal kita dalam hubungan kepercayaan dan keyakinan bersama untuk berusaha mendapatkan prestasi yang dipertingkat. Kita membentuk rantaian bekalan yang mampan dengan pembekal kita, mendapatkan bahan dan perkhidmatan dengan mematuhi tanggungjawab sosial korporat serta undang-undang dan peraturan tempatan, untuk memberi pelanggan kita produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi dan berdaya saing yang boleh digunakan dengan cara yang selamat dan terjamin.

Komitmen Kita

- Kita mematuhi sepenuhnya Perisyiharan Pemerolehan Bersih kita dan, berdasarkan falsafah kita bahawa syarikat merupakan "entiti awam masyarakat", kita menjalankan urus niaga dengan pembekal global secara adil dan telus.
- Bersama dengan pembekal kita, kita melibatkan diri dalam aktiviti pemerolehan dengan cara yang bertanggungjawab, mempertimbangkan dengan sewajarnya harapan masyarakat berhubung dengan hak asasi manusia, amalan pekerjaan, kesihatan dan keselamatan, perlindungan alam sekeliling, kawalan eksport dan keselamatan maklumat. Kita mematuhi undang-undang, peraturan dan standard antarabangsa yang berkaitan dalam aktiviti pemerolehan kita.
- Kita telah menetapkan Garis Panduan Penggalakan CSR Rantaian Bekalan dan mewajibkan pembekal kami supaya mematuhi Garis Panduan ini.

Komitmen Saya

- Saya tidak akan membenarkan kepentingan peribadi saya untuk mempengaruhi proses pemerolehan. Saya menjalankan semua urus niaga dengan pembekal secara adil dan telus mengikut dasar dan prosedur dalaman. (Lihat juga [Bertindak demi kepentingan syarikat kita](#))
- Saya memahami kepentingan bertindak mengikut standard etika yang ketat untuk menjalin hubungan yang kukuh dengan pembekal dan membenarkan persaingan untuk berlaku dengan cara yang adil dan telus. Melainkan jika dibenarkan oleh peraturan dalaman yang terpakai, saya tidak menerima atau saling bertukar sebarang hiburan, jemputan atau hadiah, termasuk hidangan makanan, hiburan atau kos dan perbelanjaan perjalanan, dengan mana-mana rakan perniagaan termasuk pembekal dan pelanggan. (Lihat juga [Perlindungan daripada rasuah](#))
- Jika saya menyedari apa-apa tingkah laku yang melanggar larangan syarikat kita mengenai transaksi perniagaan yang tidak adil atau tidak telus, saya mengambil langkah-langkah yang perlu, dalam kawalan saya, untuk membetulkan tingkah laku tersebut, dan saya melaporkan kebimbangan saya. (Lihat juga [Melaporkan atau membangkitkan kebimbangan](#))
- Jika dikehendaki di bawah peraturan dalaman yang terpakai untuk pemerolehan barang dan perkhidmatan secara bertanggungjawab, saya mewajibkan pembekal yang bekerja dengan saya, supaya mematuhi undang-undang, peraturan dan standard sosial yang terpakai, supaya menghormati falsafah pengurusan kita dan Kod ini, supaya mempertimbangkan dengan sewajarnya alam sekeliling, hak asasi manusia serta kesihatan dan keselamatan kakitangan mereka dan kakitangan dalam rantaian bekalan mereka, dan supaya mengekalkan kerahsiaan maklumat yang penting. Saya menjalankan prosedur yang dinyatakan dalam peraturan dalaman kita termasuk mengesahkan pelaksanaan perkara di atas oleh pembekal kita. (Lihat juga [Melindungi Kesihatan dan Keselamatan, Melindungi dan menggunakan aset syarikat kita, Menghormati hak asasi manusia dan Melindungi alam sekeliling kita](#))

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Dasar Pencegahan Sogokan/ Pencegahan Rasuah Global
- Peraturan mengenai Kepatuhan Rantaian Bekalan
- (Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Awam]

- Dasar Pemerolehan
- [Perisyiharan Pemerolehan Bersih](#)
- [Standard Pemerolehan Hijau](#)
- [Garis Panduan Penggalakan CSR Rantaian Bekalan](#)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan pemerolehan
- Pasukan perundangan dan kepatuhan

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Di sesetengah negara, penyogokan dalam kalangan syarikat persendirian boleh merupakan kesalahan jenayah, dan denda atau hukuman penjarा boleh dikenakan. (Lihat juga [Perlindungan daripada rasuah](#))
- Memberikan kontrak kepada pembekal berdasarkan hubungan peribadi semata-mata mungkin mewujudkan risiko yang melibatkan percanggahan kepentingan. (Lihat juga [Bertindak demi Kepentingan Syarikat kita](#))
- Selaras dengan standard antarabangsa, banyak negara telah menerima pakai undang-undang/peraturan untuk melindungi hak asasi manusia dalam rantaian bekalan. Penalti jenayah (denda) atau hukuman pentadbiran (seperti denda pentadbiran, halangan daripada pembidaan awam, dan pendedahan awam) boleh dikenakan ke atas syarikat jika berlakunya pelanggaran. Penalti jenayah seperti denda atau hukuman penjarा boleh dikenakan ke atas individu jika berlakunya pelanggaran yang serius.
- Negara/wilayah tertentu mengenakan obligasi undang-undang untuk menjalankan penilaian wajar berkenaan dengan hak asasi manusia dan kesan terhadap alam sekeliling sepanjang rantaian bekalan. Ramai pelanggan menetapkan harapan yang tinggi berhubung dengan hak asasi manusia dan kemampuan dalam rantaian bekalan dalam kontрак mereka dengan pembekal, sama ada untuk mematuhi undang-undang tempatan atau sejarah dengan nilai-nilai syarikat mereka. Syarikat yang tidak memenuhi harapan ini mungkin akan disingkirkan daripada peluang perniagaan.



Tentang Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic

Bab 1.
Tanggungjawab Kita

Bab 2.
Tempat Kerja Kita

Bab 3.
Aset dan Maklumat Syarikat Kita

Bab 4.
Hubungan Perniagaan Kita

Bab 5.
Tanggungjawab Sosial Kita

Bab 4.

Hubungan Perniagaan Kita

4. Berinteraksi dengan badan kerajaan

Berurusan dengan badan kerajaan bukanlah sama seperti berurusan dengan sebuah syarikat persendirian atau seorang individu. Syarikat persendirian yang berinteraksi dengan badan kerajaan dan perusahaan milik negara sering dipertanggungjawabkan dengan standard integriti dan ketelusuran yang lebih tinggi, dan mesti mengikut peraturan khusus termasuk etika dan perkongsian maklumat dalam pembidaan dan prosedur pemerolehan kerajaan. Panasonic dan semua ahli Panasonic perlu memahami dan mematuhi peraturan unik yang terpakai apabila menjalankan perniagaan dengan badan kerajaan dan perusahaan milik negara.

Komitmen Kita

- Kita berurusan dengan badan kerajaan dengan cara yang jujur, adil dan telus. Kita memastikan bahawa komunikasi kita dengan badan kerajaan tidak bersifat memperdayakan atau mengelirukan.
- Kita mematuhi semua kaedah berkontrak kerajaan, undang-undang dan peraturan, termasuk dalam urus niaga komersial biasa yang dalamnya badan kerajaan ialah pelanggan akhir.
- Kita melatih dan mendidik ahli kita supaya tidak melibatkan diri dalam kelakuan tidak wajar seperti penyogokan, rasuah atau tingkah laku antipersaingan dalam pembidaan dan urus niaga pemerolehan dengan badan kerajaan. (Lihat juga [Perlindungan daripada rasuah](#) dan [Membina perniagaan kita berdasarkan amanah dan persaingan yang adil](#))
- Kita mendedahkan semua maklumat yang dikehendaki apabila diminta supaya berbuat demikian dalam urusan kita dengan badan kerajaan.
- Kita tidak menyertai apa-apa kontrak atau urus niaga pembidaan yang mempengaruhi pengambilan keputusan badan kerajaan, contohnya jika kita membantu badan kerajaan untuk merangka kaedah pembidaan atau kontraknya, atau membantu badan kerajaan untuk menilai bida pihak lain.

Komitmen Saya

- Jika saya bertanggungjawab terhadap apa-apa urus niaga dengan badan kerajaan (termasuk jika badan kerajaan ialah pelanggan akhir), saya akan terlebih dahulu memastikan bahawa saya memahami pernyataan yang dibuat oleh Panasonic di bawah "Komitmen kita" di atas dan mematuhi semua peraturan dalaman yang terpakai berkaitan urusan dengan badan kerajaan.
- Sebelum membida untuk apa-apa perniagaan kerajaan, saya membiasakan diri saya dengan kaedah pemerolehan badan kerajaan yang berkenaan. Saya memastikan bahawa apa-apa bida yang saya serahkan mematuhi kaedah tersebut.
- Apabila berurusan dengan badan kerajaan, saya tidak mencuba secara tidak wajar untuk memperoleh maklumat daripada badan kerajaan itu, termasuk maklumat yang berkaitan dengan pemilihan kontraktor atau perincian bida pesaing.
- Apabila menerima sesuatu permintaan maklumat daripada badan kerajaan atau apa-apa cadangan kerja daripada individu yang berkaitan dengan kerajaan, saya berunding dengan, dan mengikut arahan daripada, pegawai atasan saya (yang mungkin menghendaki saya supaya berunding dengan bahagian perundangan dan kepatuhan), mengikut kesesuaian.
- Saya melaporkan apa-apa kebimbangan atau salah laku yang saya nampak berkaitan dengan sesuatu kontrak badan kerajaan atau hubungan badan kerajaan.
- Jika saya berniat untuk memberikan hadiah, termasuk sebarang hadiah yang lazim diberikan, kepada seorang pegawai kerajaan, saya memastikan bahawa saya mematuhi semua peraturan dalaman yang terpakai dan mengikut prosedur yang dikehendaki, terlebih dahulu.

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Dasar Pencegahan Sogokan/ Pencegahan Rasuah Global
- Peraturan mengenai Hadiah dan Hospitaliti bagi Pencegahan Sogokan/ Pencegahan Rasuah (Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan perundangan dan kepatuhan

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Individu yang terlibat dalam salah laku atau urusan tipuan dengan kerajaan mungkin melakukan jenayah dan menghadapi denda atau hukuman penjarra.
- Di sesetengah negara, syarikat yang terlibat dalam perbuatan seperti manipulasi bida atau membuat pernyataan palsu apabila berurusan dengan kerajaan, mungkin disingkirkan daripada perniagaan kerajaan pada masa depan dan menghadapi denda jenayah dan penalti kewangan lain.

22



Bab 4.
**Hubungan
Perniagaan Kita**

Tentang Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic

Bab 1.
Tanggungjawab Kita

Bab 2.
Tempat Kerja Kita

Bab 3.
Aset dan Maklumat Syarikat Kita

Bab 4.
Hubungan Perniagaan Kita

Bab 5.
Tanggungjawab Sosial Kita

5. Membina perniagaan kita berdasarkan amanah dan persaingan yang adil

Kita berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih bermutu daripada pesaing kita dan memenuhi keperluan pelanggan kita melalui persaingan yang terbuka dan adil.

Komitmen Kita

- Kita menghormati dan menggalakkan persaingan yang terbuka dan adil.
- Kita mematuhi undang-undang dan peraturan persaingan.
- Kita tidak melibatkan diri dalam kelakuan antipersaingan, seperti bersetuju dengan syarikat lain untuk mengawal harga atau syarat jualan lain, berpakat dengan mana-mana pihak lain dalam urus niaga pembidaan untuk memastikan bahawa sesuatu pembida tertentu menang atau kalah, atau apa-apa kelakuan yang menjelaskan, secara menyalahi undang-undang, kebebasan pesaing dan rakan perniagaan kita untuk membuat keputusan perniagaan yang bebas.
- Kita komited untuk meningkatkan keyakinan pengguna terhadap Panasonic dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkualiti paling tinggi, dan memberikan maklumat tepat kepada pelanggan kita.

Komitmen Saya

- Saya mematuhi peraturan dalaman yang terpakai berkaitan hubungan dengan pesaing.
- Saya tidak mendedahkan sebarang maklumat sensitif dan bukan awam kepada pesaing kita, termasuk berkongsi niat berkenaan dengan keputusan penentuan harga masa depan, yang mungkin menjelaskan persaingan, seperti penentuan harga borong atau runcit komponen atau produk akhir kita, kuantiti, kualiti, prestasi, spesifikasi, peruntukan pelanggan, pasaran, kategori dan syarat jualan lain bagi waranti produk atau perkhidmatan kita, atau bahagian pasaran bagi produk atau perkhidmatan kita.
- Sebelum menjawab sebarang jemputan daripada pesaing atau menghadiri mana-mana mesyuarat atau panggilan telefon dengan pesaing, saya akan mengkaji semula agenda yang dirancang untuk apa-apa topik yang mungkin melibatkan pendedahan maklumat sensitif oleh mana-mana peserta, dan mendapatkan apa-apa kelulusan terdahulu untuk menyertai acara itu.
- Saya menolak sebarang jemputan daripada pesaing kita untuk berkongsi maklumat sensitif, dan meninggalkan perbincangan itu. Saya melaporkan dengan segera apa-apa jemputan sedemikian kepada pasukan perundangan dan keputuhan.
- Saya tidak melibatkan diri dalam kelakuan antipersaingan seperti mengawal atau berusaha untuk mengawal harga yang padanya pelanggan kita menawarkan produk kita untuk dijual, menyalahgunakan kedudukan pasaran dominan untuk memaksa pembekal, penjual atau pelanggan supaya bersetuju dengan terma dan syarat yang tidak adil atau amalan perdagangan lain yang tidak adil.
- Saya tidak membuat pernyataan yang tidak berdasas atau tidak benar, atau pengiklanan yang mengelirukan, tentang produk dan perkhidmatan Panasonic.

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Peraturan Mengenai Aktiviti dan Hubungan dengan Pesaing
- Aktiviti Standard Pengendalian dan Hubungan dengan Pesaing
(Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan perundangan dan keputuhan

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Bagi kelakuan antipersaingan, syarikat boleh dikenakan penalti kewangan yang berat dan individu mungkin menghadapi denda atau hukuman penjara.
- Di sesetengah negara/wilayah, kelakuan antipersaingan di luar wilayah syarikat boleh juga dikenakan penalti yang serupa jika kelakuan itu menyekat persaingan bebas dalam pasaran negara/wilayah itu.
- Syarikat boleh bertanggungjawab jika rakan perniagaan telah dijejaskan oleh tingkah laku antipersaingan syarikat. Di sesetengah negara, pihak yang terjejas seperti pengguna boleh memulakan tindakan satu pihak ("class action").
- Di sesetengah negara, di samping kelakuan antipersaingan berkaitan dengan produk atau perkhidmatan, aktiviti yang menyekat persaingan dalam pasaran pekerjaan (seperti penetapan gaji, perjanjian untuk tidak memancing atau mengumpam pekerja) juga dilarang dan boleh dikenakan penalti yang serupa.
- Pernyataan yang palsu dan pengiklanan tipuan boleh mengakibatkan hukuman pentadbiran dan juga penalti jenayah yang membawa denda atau hukuman penjara untuk individu dan denda untuk syarikat.

23



Tentang Kod Etika & Kepatuhan Kumpulan Panasonic

Bab 1.
Tanggungjawab Kita

Bab 2.
Tempat Kerja Kita

Bab 3.
Aset dan Maklumat Syarikat Kita

Bab 4.
Hubungan Perniagaan Kita

Bab 5.
Tanggungjawab Sosial Kita

Bab 4.

Hubungan Perniagaan Kita

6. Berdagang secara global

Kita menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan orang ramai di seluruh dunia. Batasan perdagangan dan sekatan ekonomi telah diadakan di negara dan wilayah tempat kita menjalankan aktiviti perniagaan kita, dan sentiasa berubah-ubah. Kita mesti memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan ini dengan sepenuhnya semasa kita mengembangkan dan membangunkan aktiviti perniagaan global kita.

Komitmen Kita

- Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan import dan eksport, termasuk kawalan eksport, peraturan kastam dan sekatan yang terpakai untuk transaksi perniagaan yang melibatkan produk, perkhidmatan, perisian, teknologi dan data teknikal kita. Ini termasuk kehendak yang mungkin terpakai bagi aktiviti yang berlaku di luar negara.
- Kita memperoleh semua lesen dan permit perlu yang dikehendaki untuk menghantar produk kita dan untuk berkongsi maklumat teknikal.
- Kita menjalankan penentusan dan penyaringan yang perlu ke atas rakan perniagaan kita dan pihak yang berkaitan, sasaran pelaburan dan sumber modal untuk memastikan bahawa transaksi perniagaan kita mematuhi semua batasan yang terpakai berhubung dengan individu, entiti, wilayah atau negara yang disekat.
- Kita melarang apa-apa hubungan dengan organisasi pengganas dan kumpulan penjenayah terancang, dan mengambil pendirian yang tegas terhadap sebarang tuntutan daripada pihak tersebut.

Komitmen Saya

- Saya mematuhi peraturan dalaman yang terpakai berhubung dengan kawalan eksport, sekatan dan pelepasan kastam.
- Saya mengesahkan bahawa produk, destinasi dan kegunaan akhir tidak dilarang atau tertakluk pada batasan di bawah undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan dengan import dan eksport.
- Saya menjalankan penyaringan yang dikehendaki ke atas rakan perniagaan langsung dan tidak langsung sebelum memulakan perniagaan, dan jika saya mendapati bahawa mana-mana pihak adalah tertakluk pada batasan atau sekatan, saya berunding dengan pasukan perundangan dan kepatuhan.
- Saya mematuhi peraturan dalaman yang terpakai untuk menghalang interaksi dengan kumpulan penjenayah terancang.
- Jika saya menyedari apa-apa kemungkinan pelanggaran undang-undang kawalan eksport, sekatan atau kastam di Panasonic atau oleh mana-mana broker kastam atau penghantar muatan yang bertindak sebagai ejen kita, saya akan melaporkan kebimbangan saya dengan segera. (Lihat juga [Melaporkan atau membangkitkan kebimbangan](#))

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Peraturan mengenai Sekatan Perdagangan Global dan Pematuhan Undang-undang Sekatan
- Peraturan untuk Penyaringan Risiko Kepatuhan bagi Rakan Perniagaan (Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan perundangan dan kepatuhan
- Pasukan logistik (pematuhan undang-undang kastam)

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]


- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Individu dan syarikat yang didapati melanggar undang-undang dan peraturan kawalan eksport, sekatan ekonomi atau kaedah pelepasan kastam yang terpakai boleh menghadapi penalti kewangan yang serius dan juga pendakwaan jenayah (sekatan dan termasuk hukuman penjara untuk individu yang bertanggungjawab).
- Syarikat yang melanggar undang-undang ini juga menanggung risiko akan dilarang daripada mengimport ke, atau mengeksport dari, negara-negara tertentu.
- Apa-apa penglibatan dalam ketakpatuhan kawalan eksport, sekatan atau kaedah pelepasan kastam yang terpakai boleh mencemarkan nama baik syarikat dengan teruk. Syarikat yang terlibat mungkin disingkirkan daripada perniagaan kerajaan pada masa depan dan syarikat sektor swasta lain mungkin keberatan untuk menjalankan perniagaan dengannya.

24



Kita benar-benar mempercayai tanggungjawab sosial korporat kita dan menumpukan diri kita ke arah pencapaian masyarakat yang ideal.





Bab 5.

Tanggungjawab Sosial Kita



1. Menghormati hak asasi manusia

Sebagai sebuah organisasi global yang menjalankan perniagaan di seluruh dunia, kami mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai dalam aktiviti perniagaan kami dan menghormati hak asasi manusia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, seperti yang dinyatakan dalam norma antarabangsa yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Di samping menegakkan hak asasi manusia ahli Panasonic, kita harus berusaha untuk mencegah, mengurangkan dan memulihkan sebarang jangkaan kesan buruk terhadap hak asasi manusia bagi mana-mana pihak berkepentingan kita yang mungkin diakibatkan oleh aktiviti perniagaan, produk dan perkhidmatan kita serta urus niaga tersebut.

Komitmen Kita

- Kita telah menetapkan peraturan dalaman yang berkaitan dengan penghormatan terhadap hak asasi manusia, yang mengandungi penghapusan semua bentuk buruh paksa atau wajib, pemansuhan buruh kanak-kanak secara berkesan, perlindungan pekerja muda, kesamarataan peluang pekerjaan dan layanan, penghapusan diskriminasi yang berkaitan dengan pengambilan dan pekerjaan, kebebasan berpersatuan, dialog antara pekerja dengan pihak pengurusan, pengiktirafan yang berkesan terhadap hak untuk perundingan kolektif, dan memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, serta mematuhi peraturan ini secara menyeluruh.
- Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan dengan gaji, termasuk gaji minimum, bayaran kerja lebih masa dan faedah pekerja yang dikehendaki di sisi undang-undang.
- Kita mematuhi undang-undang dan peraturan buruh yang terpakai berhubung dengan waktu kerja dan hari cuti, dan berusaha untuk menyesuaikan waktu kerja dan kandungan kerja dengan seujarnya supaya ahli Panasonic dapat menjalani gaya hidup sihat dengan mengekalkan kesihatan mental dan fizikal yang baik. (Lihat juga [Melindungi kesihatan dan keselamatan](#))
- Kita berusaha untuk mencegah apa-apa kesan buruk terhadap hak asasi manusia apabila membangunkan dan menyediakan produk dan perkhidmatan.
- Kita juga mencari pemahaman tentang dasar dan amalan Panasonic mengenai hak asasi manusia dan pematuhan buruh daripada pembekal, pelanggan dan rakan kongsi perniagaan kita. Kita berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memantau, mencegah, mengurangkan dan memulihkan risiko rantaian bekalan dengan kerjasama mereka. (Lihat juga [Membentuk rantaian bekalan yang adil dan telus](#))

Komitmen Saya

- Saya mematuhi peraturan dalaman yang berkaitan dengan penghormatan hak asasi manusia.
- Saya tidak terlibat dalam diskriminasi atau tingkah laku diskriminasi yang mungkin mengakibatkan diskriminasi berdasarkan mana-mana perkara berikut atau perkara yang serupa: umur, jantina, bangsa, warna kulit, kepercayaan, agama, status sosial, kewarganegaraan, kumpulan etnik, status perkahwinan, pilihan jantina dan ekspresi jantina, kehamilan, sejarah perubatan, jangkitan virus atau hal yang serupa, maklumat genetik, kehilangan upaya, keahlian parti politik, atau pilihan politik, keahlian kesatuan sekerja atau sejarah perkhidmatan tentera.
- Saya menghormati pandangan dan nilai-nilai individu yang berbeza. Saya menahan diri daripada tingkah laku yang tidak mempedulikan nilai individu seperti menggunakan bahasa yang menyakitkan hati atau melibatkan diri dalam sebarang bentuk gangguan atau keganasan. (Lihat juga [Menghormati satu sama lain](#))
- Jika saya menyedari apa-apa kemungkinan pelanggaran hak asasi manusia atau amalan pekerja yang bertanggungjawab, atau diskriminasi atau gangguan di Panasonic atau di mana-mana pembekal atau pemberi perkhidmatan kita atau dalam rantaian bekalan kita, saya akan melaporkan keimbangan saya dengan segera. (Lihat juga [Melaporkan atau membangkitkan keimbangan](#))

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Peraturan mengenai Hak Asasi Manusia dan Kepatuhan Pekerja
- Peraturan mengenai Kepatuhan Rantaian Bekalan
- Peraturan Operasi mengenai Kepatuhan Rantaian Bekalan
- Peraturan Pelaksanaan mengenai Penilaian Wajar Hak Asasi Manusia Rantaian Bekalan (Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Awam]

- Dasar Hak Asasi Manusia dan Pekerja Kumpulan Panasonic
- Garis Panduan Penggalakan CSR Rantaian Bekalan
- Prinsip Etika AI Kumpulan Panasonic

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan sumber manusia
- Pasukan perundungan dan kepatuhan
- Pasukan pemerolehan
- Jawatankuasa Etika AI Kumpulan Panasonic

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu keimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Banyak negara telah menerima pakai undang-undang berkenaan penghapusan buruh paksa dan pemansuhan berkesan buruh kanak-kanak. Pelanggaran undang-undang tersebut boleh dikenakan penalti jenayah termasuk denda (syarikat dan individu) dan hukuman penjara (individu).
- Sesetengah negara melarang pengimportan produk yang dikilang sebahagiannya atau keseluruhannya dengan menggunakan buruh paksa. Dalam sesetengah kes, undang-undang dan peraturan atau kaedah pembidaan tender melarang pembekalan produk sedemikian dalam pemerolehan awam.
- Undang-undang dan peraturan telah diperkenalkan di seluruh dunia yang mempertanggungjawabkan syarikat supaya menilai dan melaporkan tahap perlindungan hak asasi manusia dalam rantaian bekalan mereka. Di sesetengah negara, syarikat yang tidak melaksanakan proses yang seujarnya boleh dikenakan denda.
- Ramai pelanggan telah membina jenama mereka berdasarkan penghormatan hak asasi manusia dan menaruh harapan yang tinggi kepada pembekal mereka. Pembekal diharapkan supaya memperakui pematuhan standard hak asasi manusia mereka dan jika tidak, mereka mungkin berdepan dengan kehilangan peluang perniagaan.

Bab 5.

Tanggungjawab Sosial Kita



2. Melindungi alam sekeliling kita

Dalam beberapa abad yang lalu, aktiviti perindustrian telah mengakibatkan pencemaran dan kerosakan lain terhadap alam sekeliling. Kerajaan dan agensi antarabangsa di seluruh dunia menggubal peraturan dan menetapkan sasaran untuk menangani isu ini sebelum terlambat. Kita sesungguhnya percaya bahawa kita di Panasonic mesti menumpukan diri kita ke arah merealisasikan suatu "masyarakat ideal", yang bermakna masyarakat yang sempurna dari segi kebendaan dan juga kerohanian. Walaupun kita telah menangani masalah alam sekeliling global bertahun-tahun lamanya, pada abad ke-21, perkara ini akan menjadi keutamaan kita apabila kita mengambil peranan utama dalam menyediakan penyelesaian alam sekeliling.

Komitmen Kita

- Kita memastikan bahawa proses pengilangan dan perniagaan kita mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai berkaitan dengan perlindungan alam sekeliling, termasuk peraturan yang berkaitan dengan sebaran kotoran, bahan pencemar dan sisa berbahaya.
- Kita menetapkan proses untuk memantau kesan kita terhadap alam sekeliling, dan bekerjasama dengan pelanggan dan pembekal kita serta komuniti tempat kita beroperasi untuk mengusahakan penambahbaikan yang berterusan.
- Kita menggunakan keupayaan dan kapakaran kita untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang mewujudkan nilai alam sekeliling untuk pelanggan kita.
- Kita menetapkan sasaran yang mencabar untuk mengurangkan sebaran CO₂ kita, mempertingkat pengilangan berorientasikan kitar semula, memulihara sumber air dan mengurangkan kesan terhadap alam sekeliling dan kesihatan manusia daripada bahan kimia yang digunakan dalam operasi kita dan dalam produk kita. Kita melaksanakan aktiviti untuk mencapai sasaran ini.

Komitmen Saya

- Saya mematuhi peraturan dan proses dalaman yang terpakai untuk kerja saya yang telah dilaksanakan untuk meminimumkan kesan negatif kita terhadap alam sekeliling.
- Saya mematuhi kawalan dalaman yang terpakai untuk mencegah pelepasan bahan kimia yang berbahaya ke alam sekeliling.
- Sama ada saya bekerja di pejabat atau kilang, saya sedar akan keperluan supaya tidak membazir air atau sumber lain, untuk mengitar semula jika boleh dan untuk menjimatkan tenaga. Langkah-langkah kecil yang diambil oleh setiap individu di Panasonic juga boleh memberikan kesan yang penting apabila diambil kira dalam seluruh Kumpulan Panasonic kita.
- Jika saya menyedari bahawa kesan terhadap alam sekeliling daripada proses pengilangan Panasonic atau produk atau perkhidmatan Panasonic adalah lebih teruk daripada apa yang dijangka atau diniatkan, atau jika saya mengesyaki bahawa kesan terhadap alam sekeliling sedang dipalsukan dengan apa jua cara, tanpa menghiraukan justifikasinya, saya membangkitkan kebimbangan saya dengan segera. (Lihat juga [Melaporkan atau membangkitkan kebimbangan](#))

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Peraturan Asas untuk Hal Ehwal Alam Sekeliling
- Peraturan Operasi Asas untuk Hal Ehwal Alam Sekeliling
- Peraturan Operasi untuk Pengurusan Bahan Kimia Produk
(Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Awam]

- [Dasar Alam Sekeliling](#)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan alam sekeliling

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global [EAR911](#) untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Syarikat dan individu yang melanggar undang-undang alam sekeliling, seperti pelupusan sisa berbahaya secara tidak wajar atau sebaran udara dan pelepasan air yang menyalahi undang-undang, mungkin menghadapi penalti jenayah, termasuk denda (syarikat dan individu) dan hukuman penjara (individu).
- Ramai pelanggan adalah tertakluk pada undang-undang alam sekeliling yang ketat dan memasarkan produk dan perkhidmatan mereka yang memenuhi standard kemampunan yang tinggi. Pelanggan mengharapkan pematuhan kehendak dan standard ini pada semua peringkat rantaian bekalan mereka. Pembekal yang produk dan komponennya tidak memenuhi standard alam sekeliling ini mungkin menghadapi kehilangan peluang perniagaan.

Bab 5.

Tanggungjawab Sosial Kita



3. Menghormati privasi individu

Maklumat peribadi (juga disebut sebagai "data peribadi") merangkumi pelbagai jenis maklumat yang, berasalingan atau bersama dengan maklumat lain, boleh mengenal pasti individu dalam kapasiti peribadi atau perniagaan mereka. Penggunaan, penyebaran dan penyimpanan data dalam masyarakat dan perniagaan semakin meningkat dengan pesat. Dengan perkembangan ini, maklumat peribadi kini lebih berharga daripada sebelumnya bagi syarikat, dan individu semakin sedar akan cara maklumat peribadi mereka boleh digunakan, dan disalahgunakan, oleh syarikat. Undang-undang dan peraturan sedang berkembang di seluruh dunia untuk melindungi privasi individu. Kita mesti bersikap penuh hormat dalam cara kita mengendalikan maklumat peribadi yang diamanahkan kepada kita.

Komitmen Kita

- Kita mengumpulkan, mengendalikan dan berkongsi maklumat peribadi dengan cara yang bertanggungjawab dan telus. Kita mematuhi undang-undang dan peraturan perlindungan data yang terpakai dalam semua bidang kuasa yang berkenaan apabila memproses atau mengurus data peribadi pelanggan, pembekal, rakan perniagaan dan ahli Panasonic.
- Kita mendapatkan persetujuan termaklum untuk mengendalikan maklumat peribadi apabila dikehendaki di sisi undang-undang dan peraturan.
- Kita telah menetapkan prosedur untuk menjawab dengan segera pertanyaan daripada individu berhubung dengan pengendalian maklumat peribadi mereka oleh kita seperti yang dikehendaki di sisi undang-undang.
- Kita telah menubuhkan langkah pengorganisasian yang sesuai, perlindungan teknologi dan keselamatan untuk melindungi maklumat peribadi yang telah diamanahkan kepada kita oleh pembekal, pelanggan dan rakan perniagaan kita serta ahli Panasonic, daripada kehilangan, salah guna dan perkongsian tanpa izin. (Lihat juga [Melindungi dan menggunakan asset syarikat kita](#))
- Kita menangani dengan segera apa-apa isu atau insiden yang disyaki berhubung dengan salah pengendalian maklumat peribadi dan, jika dikehendaki, melaporkannya kepada pengawal selia dan memberitahu mana-mana individu yang terjejas.
- Kita bergerak balas dengan segera terhadap perubahan dalam undang-undang dan peraturan tempatan yang mengawal pengendalian maklumat peribadi, dan menyesuaikan prosedur dan pelindung kita dengan sewajarnya.

Komitmen Saya

- Saya mematuhi peraturan dalaman yang terpakai bagi maklumat peribadi yang saya kendalikan.
- Saya hanya mengumpulkan dan menggunakan maklumat peribadi yang perlu dan berkaitan untuk mencapai tujuan yang diberikan apabila maklumat itu dikumpulkan.
- Saya tidak berkongsi sebarang maklumat peribadi individu dengan sesiapa pun di dalam atau di luar Panasonic, melainkan jika saya telah mengesahkan bahawa individu itu telah memberikan persetujuan, atau perkongsian tersebut dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
- Saya melaporkan dengan segera sebarang pertanyaan, permintaan atau aduan yang saya terima daripada individu berhubung dengan pengendalian maklumat peribadi mereka oleh kita mengikut prosedur syarikat kita, dan saya mengambil mana-mana langkah lain yang perlu di bawah prosedur itu.
- Jika saya menyedari kehilangan, salah guna atau akses tanpa izin sebarang maklumat peribadi, saya melaporkan perkara itu dengan segera melalui bahagian perniagaan saya atau saluran pelaporan insiden tempatan wilayah saya.

Sumber-sumber [Peraturan Global]

- Standard Perlindungan Maklumat Peribadi Global
- Garis Panduan Pengurusan Maklumat Peribadi Global
(Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Awam]

- Dasar perlindungan maklumat peribadi yang terpakai

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan keselamatan maklumat
- Pasukan perundangan dan keputuhan

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Pengendalian data peribadi secara tidak wajar atau pembocoran data peribadi boleh dikenakan hukuman seperti penalti kewangan yang berat atau penggantungan perniagaan di bawah undang-undang negara yang berkaitan atau melalui pemakaianya secara luar wilayah ("extraterritorial"). Pengendalian secara tidak wajar boleh merangkumi kegagalan untuk mematuhi kehendak bagi pemindahan data peribadi yang merentasi sempadan di bawah undang-undang negara tertentu.

Bab 5.

Tanggungjawab Sosial Kita



4. Mencegah perdagangan orang dalam

Semasa kerja kita, kita mungkin mendapat tahu maklumat bukan awam tentang Panasonic atau tentang pembekal, pelanggan dan rakan perniagaan kita yang boleh memberikan kesan terhadap harga saham, syer dan mana-mana sekuriti lain yang diperdagangkan. Kita perlu berkelakuan dengan adil dan jujur, dan tidak mengambil kesempatan daripada akses kita terhadap maklumat bukan awam demi keuntungan yang mementingkan diri sendiri atau keuntungan peribadi, atau berkongsi maklumat itu untuk membolehkan orang lain mendapat manfaat secara tidak adil. Jika kita melibatkan diri dalam perdagangan orang dalam atau berkongsi maklumat bukan awam agar orang lain boleh berurusan sebagai orang dalam, kita memecahkan amanah yang diberikan oleh pihak berkepentingan kita, termasuk pelabur, pembekal, pelanggan dan rakan perniagaan serta orang awam.

Komitmen Kita

- Kita melarang semua ahli Panasonic, termasuk pengarah, yang mempunyai akses terhadap maklumat bukan awam, daripada berdagang dalam saham, syer dan sekuriti lain Panasonic Holdings Corporation dan subsidiarinya yang tersenarai secara awam, dan dalam sekuriti mana-mana pembekal, pelanggan dan rakan perniagaan yang berkaitan.**

Komitmen Saya

- Saya mematuhi peraturan dalaman yang terpakai berhubung dengan pencegahan perdagangan orang dalam.**
- Saya tidak membeli atau menjual sebarang saham, syer atau sekuriti lain Panasonic Holdings Corporation atau mana-mana subsidiarinya yang tersenarai secara awam, atau sekuriti mana-mana pembekal, pelanggan atau rakan perniagaan yang berkaitan semasa saya menyedari apa-apa maklumat bukan awam yang penting.**
- Saya tidak berkongsi sebarang maklumat bukan awam dengan sesiapa pun, termasuk rakan dan keluarga, kecuali untuk melaksanakan peranan saya di Panasonic dengan sewajarnya. Saya tidak membantu mana-mana orang lain untuk mendapat manfaat secara tidak wajar daripada perdagangan sekuriti Panasonic Holdings Corporation atau mana-mana subsidiarinya yang tersenarai secara awam, atau sekuriti mana-mana pembekal, pelanggan atau rakan perniagaan kita, berdasarkan apa-apa maklumat bukan awam.**
- Saya berunding dengan pasukan perundangan dan kepatuhan sebelum berdagang dalam sekuriti Panasonic Holdings Corporation atau mana-mana subsidiarinya yang tersenarai secara awam, atau sekuriti mana-mana pembekal, pelanggan atau rakan perniagaan kita, jika saya tidak pasti sama ada saya memiliki apa-apa maklumat bukan awam yang berkaitan. Jika dikehendaki oleh peraturan dalaman yang terpakai, saya menyerahkan apa-apa permintaan yang perlu untuk kelulusan terdahulu sebelum membeli atau menjual sekuriti Panasonic Holdings Corporation atau syarikat Kumpulan Panasonic lain yang tersenarai.**

Sumber-sumber

[Peraturan Global]

- Peraturan Pencegahan Perdagangan Orang Dalam
(Lihat juga peraturan dalaman yang terpakai bagi lokasi, perniagaan dan fungsi anda)

[Maklumat Perhubungan]

- Pasukan perundangan dan kepatuhan

[Bagi Pertanyaan dan Kebimbangan]

- Kunjungi Talian Penting Global  untuk melaporkan atau membangkitkan sesuatu kebimbangan

Beberapa contoh akibat pelanggaran Kod ini:

Sebagai tambahan kepada tindakan tatatertib terhadap individu yang bertanggungjawab:

- Urus niaga orang dalam adalah menyalahi undang-undang di semua negara dan wilayah yang berkaitan, dan mendedahkan maklumat dalaman dengan tidak wajar juga menyalahi undang-undang di banyak negara. Individu yang bertanggungjawab akan menghadapi hukuman jenayah, termasuk denda dan hukuman penjara, dan mungkin dikehendaki supaya membayar balik keuntungan dan membayar penalti tambahan.

Panasonic

Publisher: Panasonic Holdings Corporation

Ver. April 1, 2024